



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SEMBILAN

SIRI 3





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SEMBILAN

SIRI 3

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN	3
Projek Rancangan Tebatan Banjir	
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI	20
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEREMBAN	
PEJABAT DAERAH DAN TANAH REMBAU	
Pengurusan Hasil Cukai Tanah	
JABATAN KERJA RAYA	30
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN	
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN	
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PORT DICKSON	
PEJABAT DAERAH DAN TANAH JEMPOL	
Program Penyenggaraan Jalan Negeri	
PENUTUP	45



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agenzi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agenzi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Sembilan.
2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Anti-Rasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2012 Siri 3 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana hasrat Kerajaan.
3. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Sebanyak 4 aktiviti dan 3 pengurusan syarikat telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Sembilan Tahun 2012 Siri 1 dan Siri 2. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 3 ini pula melaporkan sebanyak 3 lagi aktiviti iaitu Projek Rancangan Tebatan Banjir, Pengurusan Hasil Cukai Tanah dan Program Penyenggaraan Jalan Negeri. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 14 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
~~Ketua Audit Negara~~
Malaysia

Putrajaya
25 September 2013



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

- Projek Rancangan Tebatan Banjir

1.1. Jabatan Pengairan Dan Saliran (Jabatan) bertanggungjawab untuk menyedia dan membekalkan perkhidmatan kejuruteraan yang perlu bagi pembangunan, pengurusan serta pengawalan teratur sumber air negeri untuk kemajuan pengairan dan saliran. Bagi mencapai matlamat tersebut Jabatan menjalankan fungsi antaranya pengurusan lembangan sungai, pengurusan banjir, pengairan dan saliran, pengurusan sumber air dan hidrologi serta ukur bahan dan pengurusan kontrak. Pembangunan pesat dan pertambahan penduduk yang tinggi di Negeri Sembilan telah menyebabkan kejadian banjir berlaku hampir setiap tahun. Antara punca kejadian banjir adalah disebabkan oleh curahan hujan lebat luar biasa, limpahan air longkang, halangan di dalam sungai seperti sampah sarap dan dasar sungai yang cetek akibat terlalu banyak mendapan. Projek RTB ialah suatu projek pembinaan infrastruktur penampang, kawalan dan mengalih aliran lebihan air untuk mencegah serta meminimumkan risiko bencana banjir. Komponen kerja projek RTB antaranya adalah mengorek, melebar dan membaiki parit atau sungai, membina ban atau benteng penahan banjir, menaik taraf sistem saliran, membina kolam takungan dan menaik taraf infrastruktur. Peruntukan bagi pelaksanaan projek RTB diterima sama ada daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, peruntukan berjumlah RM60.56 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek RTB yang mana sejumlah RM60.44 juta (99.8%) telah dibelanjakan sehingga bulan Disember 2012. Manakala peruntukan daripada Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah berjumlah RM14.82 juta dan perbelanjaan sebenar sehingga bulan Disember 2012 berjumlah RM13.48 juta iaitu 91% daripada peruntukan yang diterima.

1.2. Pengauditan yang dijalankan di antara bulan September hingga Disember 2012 mendapati pada keseluruhan pengurusan projek RTB adalah memuaskan di mana pelaksanaan projek RTB tahun 2010 hingga 2012 telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan dan penyenggaraan projek RTB yang memerlukan penambahbaikan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Kelemahan dalam pengurusan projek RTB.
- Jadual penyenggaraan tidak disediakan bagi projek RTB yang telah siap.
- Kolam takungan tidak diselenggarakan secara berkala.

1.3. Bagi memastikan projek RTB dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, ekonomik dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan, Jabatan perlu mengenal pasti kelemahan

yang wujud, menganalisis dan mengambil tindakan penambahbaikan bagi mengelakkan kesilapan berulang. Berikut adalah syor Audit untuk dipertimbangkan:

1.3.1. Jabatan perlu memastikan spesifikasi kerja bagi projek RTB dipatuhi bagi menjamin projek yang dilaksanakan berkualiti, berkesan dan mencapai objektif. Manakala bagi projek yang melibatkan pemasangan produk seperti *GSM* dan *TRM*, Jabatan perlu memastikan pemasangan dilakukan oleh pekerja yang berkemahiran dan berkompetensi dari segi diberi pentaulahan (akreditasi) supaya tidak berlaku kes pembakaian yang berulang.

1.3.2. Jabatan perlu meningkatkan kerjasama dengan jabatan/agensi Kerajaan berkaitan bagi mengawal aktiviti pembangunan di hulu sungai, pencerobohan rizab sungai dan kerja penyenggaraan projek RTB termasuk kolam takungan. Selain itu undang-undang perlu diperketat dan penguatkuasaan perlu dibuat supaya tindakan dapat diambil terhadap pesalah yang melakukan aktiviti memusnahkan sungai dan alam sekitar.

1.3.3. Jabatan perlu mengadakan perbincangan melibatkan jawatankuasa peringkat yang lebih tinggi bagi memastikan kes tidak berulang dan menyebabkan pihak kerajaan akan menanggung kos pembakaian kelak.

1.3.4. Jabatan boleh menjalinkan kerjasama dengan pihak swasta bagi menyenggara kolam takungan basah untuk dijadikan tempat beriadah atau *wetland*. Ini dapat meringankan beban kewangan jabatan dalam menyenggarakan kolam takungan dan dalam masa yang sama mewujudkan tempat beriadah kepada orang awam.

2. PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEREMBAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH REMBAU

- Pengurusan Hasil Cukai Tanah

2.1. Hasil Pejabat Tanah terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan cukai. Hasil cukai adalah merupakan cukai langsung yang terdiri daripada cukai tanah, cukai tali air, tunggakan cukai sewa tanah berulang, tunggakan cukai tali air dan cukai tahunan lain. Manakala hasil bukan cukai terdiri daripada royalti pengeluaran bahan batuan, premium tanah dan premium galian. Selain itu, bayaran lain yang dikutip mengikut peraturan tanah negeri yang terdiri daripada notis dan denda lewat, denda rampasan tanah, carian rasmi, bayaran pendaftaran suratcara urusan tanah dan lain-lain. Cukai tanah merupakan penyumbang utama hasil bagi Pejabat Tanah selain hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Pejabat Tanah menggunakan Sistem Hasil Tanah (SIHAT) bagi urusan pengeluaran bil cukai tanah dan kutipan hasil tanah manakala Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) digunakan bagi urusan pendaftaran hak milik tanah. Bagi tahun 2012, jumlah cukai tanah dan tunggakan cukai tanah yang berjaya dikutip adalah berjumlah RM115.42 juta.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2012 hingga Januari 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan hasil cukai tanah di PTGNS, PDTS dan PDTR adalah memuaskan kerana jumlah kutipan cukai bagi tempoh 2010 hingga 2012 melebihi 80%. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai tanah tidak mencapai sasaran.
- Pengurusan bayaran tunggakan cukai tanah tidak mengikut peruntukan undang-undang.

2.3. Bagi memastikan pengurusan kutipan hasil cukai tanah dapat dilaksanakan dengan cekap selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan, adalah disyorkan PTGNS, PDTS dan PDTR mengambil tindakan seperti berikut:

2.3.1. Melipat gandakan usaha untuk mengutip tunggakan cukai tanah memandangkan ianya adalah antara hasil utama kepada Pejabat Tanah.

2.3.2. Memastikan pengeluaran Notis 6A dan Notis 8A dikeluarkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan.

2.3.3. Meningkatkan pemantauan terhadap tanah yang mempunyai tunggakan bagi memastikan status tunggakan tanah-tanah tersebut sama ada boleh dikutip atau tidak dapat dikutip.

2.3.4. Memastikan hak milik (*master title*) yang masih wujud dalam Sistem Hasil Tanah dibatalkan bagi projek perumahan yang telah dipecahkan kepada hak milik lot-lot kecil.

2.3.5. Membincangkan dengan Pihak Berkuasa Negeri bagi menyelesaikan masalah tunggakan hasil cukai tanah oleh Agensi Kerajaan Negeri.

3. JABATAN KERJA RAYA

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH PORT DICKSON

PEJABAT DAERAH DAN TANAH JEMPOL

- **Program Penyenggaraan Jalan Negeri**

3.1. Jalan Negeri bermaksud mana-mana jalan awam, selain daripada jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Mengikut Jadual 10 Perlumbagaan Persekutuan, penyenggaraan jalan Negeri bermaksud pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan terhadap jalan Negeri, perabot tepi jalan, jambatan dan pembetung yang menjadi sebahagian dari jalan tersebut bagi tujuan mengekalkan keadaannya seperti mana dibina atau dibaiki. Berdasarkan kepada rekod *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS), panjang rangkaian jalan Negeri yang disenggarakan pada akhir tahun 2012 adalah 9,473.757 km yang melibatkan sebanyak

12,366 batang jalan. Jalan Negeri disenggarakan oleh jabatan/agensi pelaksana di peringkat Negeri iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) serta Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS). Kerja penyenggaraan jalan ini terbahagi kepada 3 kategori penyenggaraan iaitu biasa, berkala dan kecemasan. Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan menetapkan Kerajaan Persekutuan memberi pemberian secara khusus kepada Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan jalan Negeri. Jumlah pemberian ini adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam MARRIS. Jalan Negeri yang layak mendapat pemberian penyenggaraan terdiri daripada jalan bertaraf *standard*; jalan *sub-standard*; iaitu jalan kawasan perumahan kos rendah, jalan lorong belakang dan jalan pertanian/pelancongan/jalan kampung dengan ciri-ciri yang ditetapkan. Pemberian penyenggaraan jalan Negeri diterima secara berperingkat setiap tahun daripada Kerajaan Persekutuan. Sumber kewangan penyenggaraan jalan Negeri ini diakaunkan dalam Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (Akaun Amanah). Berdasarkan kepada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 hingga 2012, peruntukan yang diterima adalah sejumlah RM573.29 juta dan telah membelanjakan sejumlah RM495.59 juta atau 86.4% bagi tempoh tersebut.

3.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mei hingga Julai 2013 ini mendapati secara keseluruhannya program penyenggaraan jalan negeri di Negeri Sembilan adalah memuaskan kerana perbelanjaan melalui Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri meningkat setiap tahun dan pelaksanaan kerja penyenggaraan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, beberapa kelemahan telah ditemui dan secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Ketepatan maklumat jalan dalam Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (Sistem MARRIS) diragui.
- Jadual penyenggaraan jalan tidak disediakan.
- Perbelanjaan bagi perolehan yang tidak dibenarkan oleh Arahan Amanah.

3.3. Penemuan Audit yang dibangkitkan berkaitan penyenggaraan jalan di atas memerlukan tindakan selanjutnya oleh Jabatan/Agensi pelaksana. Syor Audit agar Jabatan/Agensi pelaksana mengambil tindakan seperti berikut:

3.3.1. Semua Jabatan/Agensi pelaksana hendaklah mengemas kini rekod dan data jalan di dalam MARRIS bagi memastikan ketepatan dalam pengiraan pemberian jalan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Pemantauan yang lebih berkesan oleh JKR, sebagai penyelaras terhadap program penyenggaraan jalan negeri, dengan menjalankan semakan secara berkala terhadap rekod dan data jalan di semua Jabatan/Agensi pelaksana.

3.3.2. Semua Jabatan/Agensi pelaksana hendaklah menyediakan jadual penyenggaraan jalan bagi memastikan setiap jalan dapat disenggarakan mengikut tempoh yang ditetapkan dan secara langsung ia akan dapat meningkatkan usia guna jalan berkenaan.

3.3.3. Pihak JKR hendaklah memastikan setiap perbelanjaan daripada Akaun Amanah adalah dibenarkan seperti mana dinyatakan di dalam Arahan Amanah. Perbelanjaan yang berbentuk rutin seperti elauan pakaian seragam dan kasut, kartrij pencetak dan kertas A4 seharusnya di caj di bawah vot mengurus Jabatan.

3.3.4. Pihak JKR hendaklah memastikan jentera dan kenderaan yang diperoleh daripada peruntukan Akaun Amanah digunakan bagi tujuan berkaitan penyenggaraan jalan.

3.3.5. Majlis Perbandaran Seremban perlu meningkatkan keberkesanan di dalam menyelesaikan setiap aduan pelanggan bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya terjamin.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

1. PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Jabatan Pengairan Dan Saliran (Jabatan) bertanggungjawab untuk menyedia dan membekalkan perkhidmatan kejuruteraan yang perlu bagi pembangunan, pengurusan serta pengawalan teratur sumber air negeri untuk kemajuan pengairan dan saliran. Bagi mencapai matlamat tersebut, Jabatan menjalankan fungsi antaranya pengurusan lembangan sungai, pengurusan banjir, pengairan dan saliran, pengurusan sumber air dan hidrologi serta ukur bahan dan pengurusan kontrak.

1.1.2. Pembangunan pesat dan pertambahan penduduk yang tinggi di Negeri Sembilan telah menyebabkan kejadian banjir berlaku hampir setiap tahun. Antara punca kejadian banjir adalah disebabkan oleh curahan hujan lebat luar biasa, limpahan air longkang, halangan di dalam sungai seperti sampah sarap dan dasar sungai yang cetek akibat terlalu banyak mendapan. Lembangan sungai berisiko banjir di Negeri Sembilan adalah seperti berikut:

- Sungai Kenaboi dan Sungai Triang di Jelebu
- Sungai Muar dan Sungai Jelai di Kuala Pilah
- Sungai Serting di Jempol
- Sungai Linggi di Seremban dan Port Dickson
- Sungai Gemencheh di Tampin
- Sungai Rembau dan Sungai Pedas di Rembau
- Sungai Gemas di Gemas

1.1.3. Bahagian Pengurusan Banjir Jabatan adalah Bahagian yang tanggungjawab untuk mengatasi masalah ini melalui projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB). Projek RTB ialah suatu projek pembinaan infrastruktur penampungan, kawalan dan mengalih aliran lebihan air untuk mencegah serta meminimumkan risiko bencana banjir. Objektif RTB adalah untuk memperbaiki sistem sungai supaya kekerapan banjir dapat dikurangkan melalui pelaksanaan projek yang telah dikenal pasti oleh Jabatan. Ia adalah untuk memastikan pengurangan jumlah bilangan penduduk atau kawasan yang terjejas akibat banjir, mengatasi dan mengurangkan masalah kerosakan akibat banjir, melindungi harta dan nyawa serta mewujudkan persekitaran yang selesa untuk pembangunan ekonomi dan sosial.

1.1.4. Komponen kerja projek RTB antaranya adalah mengorek, melebar dan membaiki parit atau sungai, membina ban atau benteng penahan banjir, menaik taraf sistem saliran, membina kolam takungan dan menaik taraf infrastruktur. Selain itu, projek RTB juga melibatkan kerja ukur, lantikan juru perunding, proses pengambilan balik tanah dan kerja-kerja landskap. Di samping itu, Jabatan juga bekerjasama dengan agensi utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Air Negeri Sembilan dan Telekom Malaysia Berhad bagi kerja pengalihan utiliti seperti kabel telefon, kabel elektrik dan paip air.

1.1.5. Peruntukan bagi pelaksanaan projek RTB diterima sama ada daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, peruntukan berjumlah RM60.56 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek RTB. Manakala sejumlah RM60.44 juta (99.8%) telah dibelanjakan sehingga bulan Disember 2012. Butiran lanjut agihan peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Daripada Kerajaan Persekutuan
Bagi Projek RTB Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
2010	25.26	25.15	99.6
2011	12.21	12.20	99.9
2012	23.09	23.09	100.0
Jumlah	60.56	60.44	99.8

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

1.1.6. Manakala peruntukan daripada Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah berjumlah RM14.82 juta dan perbelanjaan sebenar sehingga bulan Disember 2012 berjumlah RM13.48 juta iaitu 91% daripada peruntukan yang diterima. Butiran lanjut agihan peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Peruntukan Dan Perbelanjaan Daripada Kerajaan Negeri
Bagi Projek RTB Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
2010	4.45	4.18	93.9
2011	4.87	4.84	99.4
2012	5.50	4.46	81.1
Jumlah	14.82	13.48	91.0

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada projek Rancangan Tebatan Banjir telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, ekonomik dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pelaksanaan dan pemantauan projek RTB bagi tempoh 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan dan di 3 daerah iaitu Seremban, Port Dickson dan Tampin. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berdasarkan rekod, fail, data dan dokumen bagi projek RTB. Pengauditan juga dijalankan terhadap aspek penyenggaraan jajaran sungai dan kolam takungan. Selain itu, lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai Jabatan dijalankan bagi mendapat penjelasan lanjut terhadap penemuan Audit. Di samping itu, pihak juga telah menyediakan dan mengedarkan soal selidik untuk mendapat pandangan orang awam terhadap projek RTB.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan September hingga Disember 2012 mendapati pada keseluruhannya pengurusan projek RTB adalah memuaskan di mana pelaksanaan projek RTB tahun 2010 hingga 2012 telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan dan penyenggaraan projek RTB yang memerlukan penambahbaikan seperti yang dijelaskan dalam perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Kelemahan dalam pengurusan projek RTB.
- Jadual penyenggaraan tidak disediakan bagi projek RTB yang telah siap.
- Kolam takungan tidak diselenggarakan secara berkala.

1.4.1. Prestasi Penyiapan Projek RTB Adalah Baik

1.4.1.1. Projek-projek yang dijalankan oleh JPS telah dibuat sama ada secara tender terbuka dan rundingan terus. JPS melantik Pegawai Penguin untuk memantau projek dengan mengadakan mesyuarat tapak, lawatan tapak dan mengemukakan laporan kemajuan projek. Prestasi projek dapat dinilai dari segi tempoh kerja sebenarnya disiapkan, pematuhan spesifikasi kerja dan pencapaian terhadap sasaran yang ditetapkan.

1.4.1.2. Bagi tempoh 2010 hingga 2012, sebanyak 33 projek RTB Negeri dengan kos berjumlah RM13.16 juta dan 18 projek RTB Persekutuan dengan kos berjumlah RM51.34 juta telah dilaksanakan. Berdasarkan laporan kemajuan projek mendapati kesemua projek disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Jadual 1.3** dan **Jadual 1.4**. Berdasarkan kepada laporan maklum balas daripada JPS Negeri bertarikh 26 September 2013, pelaksanaan projek RTB telah berjaya mengatasi kejadian banjir di kawasan tadahan Sungai Linggi, Sungai Saguni, Sungai Batang Nilai dan Taman Sungai Gemas. Mengikut rekod yang dicatat oleh stesen hujan di kawasan tadahan berkenaan,

walaupun jumlah hujan yang turun melebihi daripada tahap biasa tetapi tidak ada kejadian banjir di kawasan berkenaan dilaporkan.

Jadual 1.3

Bilangan Dan Kos Projek RTB Negeri Dan RTB Persekutuan Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Peruntukan Projek RTB	2010		2011		2012		Jumlah	
	Bilangan Projek	Jumlah (RM Juta)						
Negeri	10	4.42	12	4.39	11	4.35	33	13.16
Persekutuan	9	25.75	5	6.70	4	18.89	18	51.34

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

Jadual 1.4

Prestasi Pelaksanaan Projek RTB Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Status Projek	Peruntukan Negeri			Peruntukan Persekutuan		
	2010	2011	2012	2010	2011	2012
Siap Dalam Tempoh	10	12	11	9	5	4
Jumlah	10	12	11	9	5	4

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek RTB adalah baik di mana pelaksanaan projek RTB berjaya disiapkan dan mengatasi masalah kejadian banjir di kawasan berkenaan.

1.4.2. Kelemahan Dalam Pengurusan Projek RTB

1.4.2.1. Pengurusan projek RTB melibatkan perancangan keseluruhan, pengawalan dan koordinasi sesuatu projek daripada peringkat permulaan hingga peringkat penyiapan dan memastikan projek disiapkan dalam tempoh dan kualiti yang ditetapkan. Manakala pelaksanaan projek RTB melibatkan penggunaan sumber dan peruntukan yang terhad dan memerlukan perancangan yang rapi/teliti. Oleh itu, perlu ada kaedah perancangan dan pengurusan projek, pegawai yang bertanggungjawab merancang, melaksana dan mengurus projek tersebut serta disokong oleh pemantauan dan penilaian melalui sistem pengurusan maklumat. Selain itu, keterangan mengenai skop atau komponen projek perlu dinyatakan secara terperinci supaya mencapai *output* yang ditetapkan.

1.4.2.2. Didapati pelaksanaan projek RTB dibuat secara *rolling plan* setiap 2 tahun berdasarkan Rancangan Pembangunan untuk 5 tahun. Bagaimanapun, disebabkan kekangan keupayaan kakitangan sendiri untuk melaksanakan semua proses perancangan projek yang merangkumi aspek kajian kemungkinan, kerja ukur dan menyediakan reka bentuk, Jabatan telah melantik juru perunding untuk menjalankan kajian di kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan banjir.

1.4.2.3. Lawatan Audit terhadap 7 projek RTB seperti di **Jadual 1.5** telah diadakan di antara bulan Oktober 2012 hingga Februari 2013 bagi memastikan setiap komponen projek RTB mencapai objektif yang ditetapkan. Sebanyak 6 daripada 7 projek tersebut telah disiapkan kecuali projek RTB Sungai Linggi Fasa II yang masih dalam proses pembinaan. Hasil lawatan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan

komponen projek bagi RTB Sungai Linggi Fasa I dan Fasa II serta RTB Sungai Simin Fasa 1 seperti berikut:

Jadual 1.5
Senarai Projek Yang Telah Dilawati

Bil.	Nama Projek	Kos/Sumber Peruntukan (RM Juta)	Tarikh Siap Projek	Skop Kerja
1.	RTB Sungai Linggi, Port Dickson (Fasa I)	16.33 / Persekutuan	24/12/2012	Pembinaan ban banjir, korekan dan pelebaran sungai, tembok banjir, kolam takungan banjir, lengcongan Parit Hj. Yusof dan menaik taraf jalan.
2.	RTB Sungai Linggi, Port Dickson (Fasa II)	20.14 / Persekutuan	12/9/2013	Korekan, pelebaran dan perlindungan tebing sungai, kerja-kerja longkang, membina jalan dan penyelenggaraan.
3.	Menaik Taraf Sungai Batang Nilai, Seremban	0.71 / Negeri	27/2/2011	Pemasangan L <i>shape</i> , memasang geotextile jenis C (<i>non woven</i>), meletak tapak dasar L <i>shape</i> (<i>bedding</i>), memasang <i>handrailing</i> , menurap laluan rizab sungai dan menanam rumput di benteng tanah belakang L unit.
4.	RTB Taman Sungai Gemas, Tampin	0.85 / Persekutuan	30/4/2012	Membina <i>floodwall</i> , membina 2 <i>parapet wall</i> jambatan sedia ada, memasang <i>pipe culvert</i> , memasang <i>flap gate</i> , menambak tanah dan memadat tanah import bagi membina benteng.
5.	RTB Sungai Saguni, Port Dickson (Fasa I)	1.68 / Persekutuan	9/9/2010	Mengganti dan membina pembetung <i>arch culvert</i> .
6.	RTB Sungai Saguni, Port Dickson (Fasa II)	3.91 / Persekutuan	28/12/2010	Korekan dan pelebaran sungai, memasang longkang U <i>shape</i> dan membina <i>box culvert</i>
7.	RTB Sungai Simin Fasa 1, Seremban	3.87 / Persekutuan	19/12/2010	Pengambilan balik tanah, melurus, melebar dan mendalamkan sungai.

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

1.4.2.4. RTB Sungai Linggi Fasa I

a. Enapan/Sedimen Yang Tidak Terkawal

- i. Enapan (*sediment transport*) adalah bahan terampai semula jadi yang terbentuk di sungai yang dibawa dari hulu ke hilir sungai. Enapan yang terbentuk akan mendap di dasar sungai dan akan membentuk lapisan dasar sungai seperti di **Gambar 1.1**. Proses yang berterusan ini akan mengakibatkan kedalaman sungai yang semakin cetek daripada semasa ke semasa. Sungai yang cetek akan mengakibatkan banjir kerana kapasiti sungai yang berkurangan untuk menampung air larian hasil daripada hujan yang terhasil.
- ii. Menurut Jabatan, penyenggaraan berkala dengan mengorek dan melebarkan sungai adalah jalan penyelesaian bagi enapan yang terbentuk seperti yang dilaksanakan di dalam pakej projek Fasa I Sungai Linggi. Didapati kerja-kerja pelebaran dan pengorekan sungai telah siap dilaksanakan pada bulan Julai 2011 manakala tanah yang dikorek ditempatkan di dataran sungai berhampiran seperti di **Gambar 1.2**.

Gambar 1.1
Enapan Yang Terbentuk Hasil Dari Korekan Dasar Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Linggi
Tarikh: 11 Oktober 2012

Gambar 1.2
Tanah Yang Dikorek Akan Ditempatkan Di Dataran Sungai Berhampiran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Linggi
Tarikh: 11 Oktober 2012

- iii. Bagaimanapun lawatan Audit mendapati selepas setahun pelaksanaan projek, keadaan kedalaman sungai berkurangan dan cetek. Ini disebabkan aktiviti pembangunan di hulu Sungai Linggi seperti pembangunan tanah untuk projek pembangunan. Pemendapan endapan yang terjadi adalah disebabkan kurang kawalan pembangunan yang mapan (*sustainable*). Masalah ini jika dibiarkan akan menyebabkan berlaku pemendapan di sungai tersebut dan masalah yang sama akan berulang.
- iv. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 17 April 2013, pemantauan kadar enapan masih belum dapat dilaksanakan kerana melibatkan pelbagai faktor dan parameter. Bagaimanapun, Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai dan Zon Pantai sedang membincangkan tentang perkara ini bersama pakar-pakar dari pusat pengajian tinggi tempatan iaitu UiTM dan USM. Selain itu, Jabatan memaklumkan semasa Mesyuarat Exit Conference bahawa JPS Malaysia mempunyai program kawalan enapan dan pembangunan lumpur atau dikenali sebagai Ops Lumpur tetapi masalah utama adalah penguatkuasaan kerana undang-undang yang sedia ada masih tidak mencukupi.**


b. Pengukuhan Paip Air SAINS

- i. Juru perunding memaklumkan bahawa semua utiliti telah dialihkan kecuali kerja-kerja pengukuhan paip air milik SAINS yang merentasi Sungai Linggi di jambatan berhampiran. Menurut juru perunding, SAINS memaklumkan kerja-kerja pengalihan tidak diperlukan tetapi pengukuhan 2 asas tiang (*piers*) yang berkedudukan di dalam jajaran pelebaran dan pengorekan sungai perlu dilaksanakan. Kerja-kerja pengukuhan jajaran paip melibatkan kos yang tinggi, kerja yang kompleks dan memakan masa menyebabkan skop kerja ini tidak dapat diselesaikan oleh SAINS. Oleh itu SAINS telah membenarkan kontraktor

utama untuk melaksanakan kerja tersebut tetapi syarat Jaminan Bank (BG) yang disyorkan sangat tinggi sehingga tidak dapat dipenuhi oleh kontraktor. Isu berbangkit ini timbul adalah disebabkan tiada kesefahaman di antara pihak Jabatan dan SAINS pada peringkat awal pembinaan paip itu. Dimaklumkan bahawa pembinaan paip *S-Bend* yang merentasi sungai setahun lalu tidak mendapat kelulusan dari Jabatan. Sekiranya pihak Jabatan dimaklumkan, maka syarat-syarat akan dipatuhi dan lokasi *piers* dalam jajaran pengorekan dan pelebaran sungai dapat dielakkan.

- ii. Keadaan paip adalah seperti di **Gambar 1.3** dan **Gambar 1.4**. Menurut Jabatan sekiranya masalah ini tidak dapat diselesaikan pengukuhan jajaran paip tersebut akan dikeluarkan dari skop kerja. Pada pandangan Audit, tindakan jabatan mengeluarkan skop kerja (*omission*) pengukuhan tiang paip air adalah tidak menyelesaikan masalah dan perlu disemak dengan Juruukur Bahan keadaan berkaitan. Selain itu perbincangan lanjut yang melibatkan jawatankuasa peringkat yang lebih tinggi perlu dijalankan oleh Jabatan dalam memastikan keberkesanan projek. Selain itu, risiko lain yang dihadapi adalah *piers* boleh pecah apabila berlaku kejadian banjir disebabkan larian air menjadi deras berikutan kerja melebar dan mendalam Sungai Linggi yang telah dijalankan. Ini akan mengakibatkan bekalan air kepada pengguna di seluruh daerah Port Dickson akan terganggu.

Gambar 1.3
Tiang (Piers) Yang Menampung Paip



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Linggi
Tarikh: 11 Oktober 2012

Gambar 1.4
Paip Yang Merentasi Sungai Linggi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Linggi
Tarikh: 11 Oktober 2012

- iii. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 17 April 2013, beberapa mesyuarat dan lawatan tapak bersama pemilik-pemilik utiliti telah diadakan dan semuanya berjalan dengan lancar. Kerja-kerja pengukuhan *piers* untuk paip milik SAINS melibatkan kos yang tinggi sekiranya pihak SAINS yang melakukan kerja pengukuhan tersebut. Bagaimanapun, SAINS membenarkan pihak kontraktor utama Jabatan melaksanakan kerja pengukuhan tersebut tetapi Jaminan Bank Khas tambahan yang disyorkan**

amat tinggi. Bagi mengelakkan kelewatan penyiapan pakej kontrak, kerja pengalihan utiliti ini dikeluarkan dari skop kerja asal.

1.4.2.5. RTB Sungai Linggi Fasa II - Pemasangan Geotube Sandfill Mattress (GSM) Beralih Kedudukan

- a. Projek ini melibatkan kerja melebar dan mendalam Sungai Linggi dari CH 19500 hingga CH 27000. Antara spesifikasi projek di dalam *Bill of Quantity (BQ)* ialah menggunakan Geotube Sandfill Mattress (GSM) sebagai perlindungan tebing sungai daripada terhakis seperti di **Gambar 1.5**. GSM berfungsi secara mesra alam di mana untuk jangka masa panjang, rumput akan tumbuh di permukaan GSM dan secara tidak langsung mengembalikan struktur asal cerun sungai yang ditumbuhi dengan rumput. Pemilihan dan pemasangan GSM bergantung kepada lokasi dan kelajuan sungai yang bersesuaian dengan struktur tersebut. Keberkesanan pemasangan GSM bergantung kepada cara pemasangan yang betul seperti yang digariskan oleh pihak pembekal iaitu pembinaan GSM perlu dibina selari dengan aliran sungai (*parallel to water flow*). Hasil lawatan Audit ke tapak projek pada 11 Oktober 2012 mendapati GSM telah beralih daripada kedudukan asal seperti di **Gambar 1.6**.

Gambar 1.5
Contoh GSM



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Linggi
Tarikh: 11 Oktober 2012


Gambar 1.6
GSM Beralih Kedudukan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Linggi
Tarikh: 11 Oktober 2012

- b. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 17 April 2013, pembinaan sheet pile di toe akan meningkatkan kos projek. Di RTB Sungai Linggi Fasa II, reka bentuk perunding telah mengambil kira toe protection dalam pemasangan sandfill mattress dengan cara lebihan sebanyak 2 meter sandfill mattress di dasar sungai. Pemasangan di tapak projek telah mengikut prosedur yang ditetapkan.** Penjelasan bagi toe protection adalah seperti di **Gambar Rajah 1.1**.

Gambar Rajah 1.1
Penjelasan Toe Protection



Sumber: JPS Negeri Sembilan

Lokasi: Sungai Linggi

Tarikh: 14 Mei 2013

1.4.2.6. RTB Sungai Simin Fasa 1

Cadangan menaik taraf Sungai Simin telah dilaksanakan pada 12 April 2010 dan siap sepenuhnya pada 19 Disember 2010. Projek ini melibatkan kerja pengambilan balik tanah sebanyak 42 lot dengan kluasan 10.72 hektar, mendalam dan melebarkan sungai, pembersihan rizab, kerja-kerja penahan tebing, membina jambatan, memasang *railing*, membaiki jalan dan akhir sekali kerja-kerja landskap. Projek RTB ini melibatkan kos pengambilan balik tanah sejumlah RM6.76 juta manakala kos projek sejumlah RM4.25 juta. Objektif projek adalah untuk mengurangkan risiko banjir kilat akibat limpahan air sungai serta meningkatkan keselamatan dan keselesaan penduduk. Pihak Audit telah membuat lawatan pada 10 Januari 2013 dan pemerhatian terhadap projek adalah seperti berikut:

a. Tebing Sungai Simin Runtuh

- i. Antara komponen utama projek RTB Sungai Simin adalah membina penahan tebing bertujuan melindungi cerun tebing sungai daripada arus sungai. Mengikut BQ asal, pembekal dikehendaki membekal dan memasang *Maccaferri Reinforcement Enkamat RE7018 (MRE)* atau bahan lain yang setara dengannya. Semakan Audit mendapati pada 6 September 2010, pembekal telah dibenarkan untuk menukar penggunaan *MRE* kepada *Turf Reinforcement Matrix (TRM)* kerana masalah struktur Sungai Simin yang berpasir dengan persetujuan juru perunding dan tidak melibatkan kos tambahan. Menurut Jabatan, *MRE* telah dipasang namun gagal melekat di tebing. *TRM* adalah merupakan bahan kawalan hakisan permukaan tebing. Selain itu, *TRM* berfungsi secara mesra alam di mana untuk jangka masa panjang, rumput akan tumbuh di permukaan

TRM dan secara tidak langsung mengembalikan struktur asal cerun sungai yang ditumbuhi dengan rumput seperti di **Gambar 1.7**.

- ii. Hasil pemerhatian Audit di tapak mendapati *TRM* yang dipasang telah gagal disebabkan hujan lebat dan arus deras mengakibatkan struktur tebing sungai turut runtuh seperti di **Gambar 1.8**. Menurut Jabatan, pembinaan *TRM* tersebut tidak dapat menampung kekuatan arus yang sangat deras apabila hujan lebat. Selain itu, didapati tiada tindakan lanjut yang diambil bagi membaik pulih tebing sungai tersebut. Jabatan perlu mengambil tindakan segera untuk membaiki kerosakan atau kegagalan tebing sungai tersebut bagi mengelakkan kerosakan yang lebih serius.

Gambar 1.7
***TRM* Yang Ditumbuhi Rumput**
Jenis Cow Grass



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Simin
Tarikh: 10 Januari 2013

Gambar 1.8
Keadaan Tebing Yang Runtuh
Akibat Arus Deras



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Simin
Tarikh: 10 Januari 2013

- iii. Hasil lawatan susulan Audit pada 14 Februari 2013, juru perunding memaklumkan tiada pengukuhan toe dibina disebabkankekangan kos di dalam pelaksanaan projek berbanding spesifikasi asal di mana keperluan pengukuhan toe (asas) tebing perlu seperti menggunakan batu atau *soft rock*. Semakan Audit juga mendapati hasil dari maklum balas juru perunding dan pembekal *TRM* di tapak memaklumkan kegagalan tebing adalah disebabkan beberapa spesifikasi kaedah pemasangan tidak dilaksanakan seperti berikut:

- *J-Pin* tidak dipasang di tapak untuk mengukuhkan *TRM*.
- Pemberian rumput daripada jenis *Signal Grass* menggunakan kaedah *Hydroseeding* tidak dilaksanakan. Didapati hanya rumput berjenis *Cow Grass* yang tumbuh di permukaan *TRM*.

- iv. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 17 April 2013, pembaikan segera kerosakan tidak dilakukan bagi memberi ruang pengukuhan tanah. Bagaimanapun, keperluan peruntukan tambahan menjadi kekangan untuk membaiki kerosakan tersebut. Berdasarkan penemuan Audit, kerja-kerja**

membaiki akan dilaksanakan apabila ada peruntukan. J-pin telah dipasang di tapak untuk mengukuhkan TRM secara sementara. Namun, ia tidak memainkan peranan dalam menahan kegagalan tebing. Pemberian rumput daripada jenis *Signal Grass* menggunakan kaedah *hydroseeding* telah dilaksanakan di tapak. Bagaimanapun, pertumbuhan rumput jenis *Cow Grass* secara semula jadi telah mengatasi pertumbuhan *Signal Grass*. *Cow Grass* juga sesuai untuk kawalan hakisan permukaan tebing. Menurut Jabatan lagi, penggunaan *Well Guard* sebagai penahan tebing sangat berkesan sebagaimana di kawasan hilir Sungai Simin. Bagaimanapun, pembinaan yang melibatkan *Well Guard* di keseluruhan tebing akan melibatkan jumlah kos yang besar. Oleh itu, Jabatan mengambil tindakan untuk hanya melindungi kawasan tebing yang memerlukan pengukuhan terutama di kawasan harta awam dan perumahan.

b. Rizab Sungai Dicerobohi

- i. Mengikut Seksyen 62, Kanun Tanah Negara, dan garis Panduan Penentuan Rizab Sungai, setiap sungai hendaklah mempunyai kawasan rizab sungai mengikut kelebaran sungai. Jabatan telah menanam pokok *Tabebuia Pallida* sebagai penanda rizab dan sebagai landskap bagi tujuan pengindahan sungai seperti di **Gambar 1.9**.
- ii. Hasil pemerhatian Audit di tapak mendapati rizab sungai telah dicerobohi oleh orang awam dengan menanam pokok kelapa seperti di **Gambar 1.10**. Keadaan ini jika dibiarkan akan menimbulkan masalah sekiranya Jabatan perlu menjalankan kerja penyenggaraan. Mengikut temu bual dengan pegawai Jabatan, dimaklumkan bahawa Jabatan tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap pencerobohan rizab sungai kerana tindakan penguatkuasaan adalah di bawah tanggungjawab Pejabat Daerah Dan Tanah. Pihak Jabatan didapati tidak mendirikan papan tanda memberitahu kawasan tersebut rizab sungai bagi tujuan menghalang orang ramai dari menceroboh kawasan tersebut.

Gambar 1.9
Rizab Sungai Dicerobohi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Simin
Tarikh: 10 Januari 2013

Gambar 1.10
Rizab Sungai Dicerobohi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Simin
Tarikh: 10 Januari 2013

- iii. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 17 April 2013, Jabatan telah mengambil tindakan sewajarnya untuk menghalang pencerobohan rizab seperti pemasangan papan tanda dan surat makluman kepada Pejabat Tanah Dan Daerah.**

Pada pendapat Audit, tahap prestasi fizikal projek adalah memuaskan. Bagaimanapun, tindakan pembaikan GSM yang telah beralih daripada kedudukan asal perlu dilaksanakan segera. Isu pengukuhan *piers paip S.Bend* yang merentasi sungai perlu diselesaikan antara pihak Jabatan dan SAINS dengan segera bagi membolehkan pelaksanaan projek berjalan lancar dan berfungsi bagi mencapai objektif projek. Manakala tahap prestasi fizikal projek RTB Sungai Simin adalah kurang memuaskan kerana kaedah penahan tebing gagal berfungsi dengan baik. Selain itu, berlaku pencerobohan terhadap rizab sungai kerana tiada kerjasama dengan Jabatan Kerajaan yang lain seperti Pejabat Daerah Dan Tanah.

1.4.3. Kerja Penyenggaraan Dilaksanakan Secara Ad-Hoc

1.4.3.1. Penyenggaraan Projek RTB

- a. Penyenggaraan terhadap projek RTB yang telah siap perlu dibuat secara berjadual bagi memastikan saliran sentiasa berada dalam keadaan yang sempurna. Dengan ini, larian air permukaan dapat disalurkan ke laut atau sungai dengan lancar tanpa halangan. Skop kerja penyenggaraan meliputi kerja memotong rumput dan pokok di rizab saliran, membersihkan sampah sarap dan membuang mendapan kelodak atau tanah serta membaik pulih kerosakan kecil pada sistem saliran dan landskap.
- b. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak menyediakan jadual penyenggaraan secara berkala tetapi hanya melaksanakan kerja penyenggaraan mengikut keperluan dan peruntukan yang diluluskan. Lawatan Audit mendapati 3 daripada 6 projek yang telah siap dibina tidak diselenggarakan dengan baik. Sungai yang dipenuhi dengan

mendapan pasir akan menyebabkan pengaliran larian air terganggu. Keadaan sungai yang tidak diselenggarakan adalah seperti di **Gambar 1.11** hingga **Gambar 1.13**.

Gambar 1.11
Keadaan Tebing Sungai Yang Tidak Diselenggarakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RTB Sungai Batang Nilai
Tarikh: 27 November 2012

Gambar 1.12
Keadaan Dalam Sungai Yang Mempunyai Mendapan Pasir



Sumber:Jabatan Audit Negara
Lokasi: RTB Sungai Batang Nilai
Tarikh: 27 November 2012



Gambar 1.13
Keadaan Dalam Sungai Yang Mempunyai Mendapan Pasir

Sumber:Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek RTB Sungai Simin
Tarikh: 10 Januari 2013

- c. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 17 April 2013, keutamaan peruntukan penyenggaraan negeri ditumpukan kepada kawasan yang mengalami banjir tetapi belum mendapat peruntukan bagi projek RTB. Mengikut pengalaman Jabatan, semua projek-projek RTB yang disiapkan berupaya menangani banjir setempat di antara 5 hingga 10 tahun tanpa senggaraan. Jabatan terpaksa memilih mengikut keutamaan bagi membahagi-bahagikan peruntukan yang sedia kecil ke tempat yang lebih diperlukan disebabkan kekangan peruntukan kerja penyenggaraan.**

1.4.3.2. Penyenggaraan Kolam Takungan

- a. Kolam takungan adalah salah satu komponen bagi struktur tebatan banjir. Ia digunakan untuk menakung air pengluahan dari hulu dan melepaskannya ke bahagian hilir secara perlahan pada kadar yang mampu dibendung oleh sistem saliran di bahagian hilir. Fungsi kolam ini ialah untuk mengatasi masalah banjir,

sebagai penapis kelodak dan tempat beriadah. Secara umumnya terdapat dua jenis kolam takungan iaitu kolam takungan kering (menakung air yang berlebih) dan kolam takungan basah (menakung air pada paras tertentu). Kolam takungan basah memerlukan penyenggaraan yang berkala. Aktiviti penyenggaraan meliputi pemeriksaan struktur, memotong rumput/semak, kutipan sampah, pembuangan mendapan dan kestabilan cerun serta hakisan tebing.

- b. Menurut perenggan 35.9.1 Manual Saliran Mesra Alam (MASMA), setiap kolam takungan yang dibina, hendaklah disenggarakan secara berkala. Pemeriksaan hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya 2 minggu sekali ke atas struktur seperti *Gross Pollutant Trap, inlet, outlet, spillway* dan *culvert* bagi memastikan ia berfungsi dengan baik, tiada sampah yang terperangkap dan tiada mendapan. Pagar dan notis amaran juga hendaklah didirikan sebagai langkah keselamatan.
- c. Hasil maklum balas dari Jabatan, kesemua kolam di 3 daerah yang dilawati oleh Audit adalah daripada jenis kolam takungan basah. Terdapat juga kolam di daerah Seremban yang asalnya kolam takungan kering tetapi telah diubah kepada kolam takungan basah kerana keadaannya yang menakung air. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak mempunyai program penyenggaraan berjadual terhadap kolam takungan secara berkala kerana peruntukan yang tidak mencukupi. Jabatan juga tidak dapat menjalankan sendiri kerja penyenggaraan terhadap semua kolam kerana tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi. Jabatan memaklumkan kerja penyenggaraan kolam hanya dibuat secara *ad-hoc* apabila diperlukan dan sekiranya terdapat aduan dari orang awam. Pelaksanaan penyenggaraan kolam ini dikendalikan oleh Jabatan atau kontraktor yang dilantik. Anggaran kos penyenggaraan yang diperlukan bagi setiap kolam adalah sekurang-kurangnya RM20,000 untuk sekali penyenggaraan bergantung pada keluasan kolam dan jenis penyenggaraan. Kerja penyenggaraan perlu dijalankan setiap 2 bulan sekali manakala bagi pembersihan rizab kolam seperti pemotongan rumput perlu dilakukan setiap bulan. Maklumat bilangan kolam adalah seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Maklumat Kolam Takungan Di Daerah Seremban, Port Dickson
Dan Tampin Bagi Tahun 2012

Bil.	Daerah	Bil. Kolam	Keluasan Kolam (Hektar)
1.	Seremban	40	42.70
2.	Port Dickson	4	5.70
3.	Tampin	1	3.81

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

- d. Lawatan Audit pada bulan November dan Disember 2012 terhadap 18 kolam takungan yang dipilih terdiri daripada 13 kolam di daerah Seremban, 4 kolam di daerah Port Dickson dan satu kolam di daerah Tampin mendapati 6 daripada kolam takungan tersebut tidak dibuat penyenggaraan oleh Jabatan. Antara keadaan yang diperhatikan adalah persekitaran kolam tidak dibersihkan dan dipenuhi semak,

sampah terperangkap pada *inlet* dan *outlet*, kolam dipenuhi tumbuhan dan sampah sarap menyebabkan bau busuk serta berlaku mendapan di dalam kolam takungan. Keadaan seperti ini akan menjelaskan fungsi kolam kerana kolam tidak dapat menakung air bagi melambatkan pengairan larian air terutama apabila berlakunya taburan hujan berlebihan. Di samping itu, didapati 8 kolam yang dilawati tidak mempunyai papan tanda menunjukkan kolam tersebut milik Jabatan. Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 14 Mac 2012 telah mengambil keputusan untuk menyerahkan tanggungjawab penyenggaraan kolam takungan banjir yang disenggarakan oleh Jabatan kepada PBT. Bagaimanapun sehingga ke tarikh auditan, kolam ini masih di bawah tanggungjawab Jabatan kerana tiada maklum balas daripada pihak PBT.

- e. Keadaan kolam yang tidak disenggarakan adalah seperti di **Gambar 1.14** hingga **Gambar 1.17**. Manakala kolam yang disenggarakan dengan baik dan boleh dijadikan tempat beriadah adalah seperti di **Gambar 1.18** dan **Gambar 1.19**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Panchor Jaya Fasa 6
Tarikh: 27 November 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Desa Melati, Nilai
Tarikh: 27 November 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Intan Perdana A, Port Dickson
Tarikh: 5 Disember 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Desa PD
Tarikh: 5 Disember 2012

Gambar 1.18
Kawasan Kolam Yang Dijadikan Tempat Beriadah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pulai Impian
Tarikh: 27 November 2012

Gambar 1.19
Papan Tanda Kolam Yang Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Arowana
Tarikh: 27 November 2012

- f. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 17 April 2013, semua kolam takungan yang telah diserahkan kepada Jabatan secara rasmi mempunyai papan tanda Jabatan. Manakala kolam takungan yang melibatkan taman berfasa yang belum siap secara keseluruhannya masih di bawah tanggungjawab pemaju. Pihak PBT telah memohon senarai kolam-kolam takungan dan Jabatan telah menyerahkan senarai tersebut kepada PBT pada 14 Mac 2012. Jabatan turut memaklumkan semasa mesyuarat exit conference pada 14 Mei 2013, Kerajaan Negeri telah memberi arahan kepada PBT untuk memotong rumput bagi semua kolam takungan di daerah Seremban, Port Dickson dan Nilai. Manakala daerah yang lain masih dipertanggungjawabkan kepada JPS daerah.**

Pada pendapat Audit, tahap penyenggaraan terhadap saliran yang telah dibina kurang memuaskan kerana tiada jadual penyenggaraan dan pelaksanaan penyenggaraan tidak dibuat secara berkala kerana kekurangan peruntukan.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan projek RTB dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, ekonomik dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan, Jabatan perlu mengenal pasti kelemahan yang wujud, menganalisis dan mengambil tindakan penambahbaikan bagi mengelakkan kesilapan berulang. Jabatan Pengairan Dan Saliran adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

- 1.5.1. Jabatan perlu memastikan spesifikasi kerja bagi projek RTB dipatuhi bagi menjamin projek yang dilaksanakan berkualiti, berkesan dan mencapai objektif. Manakala bagi projek yang melibatkan pemasangan produk seperti *GSM* dan *TRM*, Jabatan perlu memastikan pemasangan dilakukan oleh pekerja yang berkemahiran dan berkompetensi dari segi diberi pentaulahan (akreditasi) supaya tidak berlaku kes pemberian yang berulang.**

1.5.2. Jabatan perlu meningkatkan kerjasama dengan jabatan/agensi Kerajaan berkaitan bagi mengawal aktiviti pembangunan di hulu sungai, pencerobohan rizab sungai dan kerja penyenggaraan projek RTB termasuk kolam takungan. Selain itu undang-undang perlu diperketat dan penguatkuasaan perlu dibuat supaya tindakan dapat diambil terhadap pesalah yang melakukan aktiviti memusnahkan sungai dan alam sekitar.

1.5.3. Jabatan perlu mengadakan perbincangan melibatkan jawatankuasa peringkat yang lebih tinggi bagi memastikan kes tidak berulang dan menyebabkan pihak kerajaan akan menanggung kos pembaikan kelak.

1.5.4. Jabatan boleh menjalinkan kerjasama dengan pihak swasta bagi menyenggara kolam takungan basah untuk dijadikan tempat beriadah atau *wetland*. Ini dapat meringankan beban kewangan jabatan dalam menyenggarakan kolam takungan dan dalam masa yang sama mewujudkan tempat beriadah kepada orang awam.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEREMBAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH REMBAU**

2. PENGURUSAN HASIL CUKAI TANAH

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Hasil Pejabat Tanah terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan cukai. Hasil cukai adalah merupakan cukai langsung yang terdiri daripada cukai tanah, cukai tali air, tunggakan cukai sewa tanah berulang, tunggakan cukai tali air dan cukai tahunan lain. Manakala hasil bukan cukai terdiri daripada royalti pengeluaran bahan batuan, premium tanah dan premium galian. Selain itu, bayaran lain yang dikutip mengikut peraturan tanah negeri yang terdiri daripada notis dan denda lewat, denda rampasan tanah, carian rasmi, bayaran pendaftaran suratcara urusan tanah dan lain-lain. Cukai tanah merupakan penyumbang utama hasil bagi Pejabat Tanah selain hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil.

2.1.2. Pejabat Tanah menggunakan Sistem Hasil Tanah (SIHAT) bagi urusan pengeluaran bil cukai tanah dan kutipan hasil tanah manakala Sistem Pendaftaran Tanah Berkompputer (SPTB) digunakan bagi urusan pendaftaran hak milik tanah. Bagi tahun 2012, jumlah cukai tanah dan tunggakan cukai tanah bagi seluruh Negeri Sembilan yang berjaya dikutip adalah berjumlah RM115.42 juta. Butiran lanjut mengenai kutipan hasil cukai tanah dan tunggakan cukai tanah bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Jumlah Kutipan Hasil Cukai Tanah Dan Tunggakan Cukai Tanah
Bagi Tahun 2010 Hingga Tahun 2012

Butiran	Tahun			Jumlah (RM Juta)
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	
Cukai Tanah	100.09	99.93	105.70	305.72
Tunggakan Cukai Tanah	12.80	10.92	9.72	33.44
Jumlah	112.89	110.85	115.42	339.16

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan hasil cukai tanah dilaksanakan secara cekap selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan hasil cukai tanah bagi tempoh 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan (PTGNS) dan 2 Pejabat Daerah Dan Tanah iaitu Seremban (PDTS) dan Rembau (PDTR). Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan rekod dan dokumen seperti fail, laporan hasil, laporan kewangan dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan pengurusan hasil cukai tanah. Pemilihan sampel dan analisis data melalui perisian *Audit Command Language (ACL)* telah dilakukan bagi tujuan analisis ketepatan data dari pangkalan data. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat dan lawatan tapak ke beberapa lokasi turut dilaksanakan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2012 hingga Januari 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan hasil cukai tanah di PTGNS, PDTS dan PDTR adalah memuaskan kerana jumlah kutipan cukai bagi tempoh 2010 hingga 2012 melebihi 80%. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai tanah tidak mencapai sasaran.
- Pengurusan bayaran tunggakan cukai tanah tidak mengikut peruntukan undang-undang.

2.4.1. Prestasi Kutipan Hasil Dan Tunggakan Cukai Tanah

Cukai tanah adalah cukai tanah tahunan yang perlu dibayar oleh pemilik tanah kepada Kerajaan Negeri mengikut Peraturan-peraturan Tanah Negeri Sembilan 1966. Cukai ini hendaklah dibayar sebelum 31 Mei setiap tahun. Sekiranya bayaran cukai tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, ia akan dikira sebagai tunggakan dan denda lewat akan dikenakan. Prestasi kutipan hasil cukai tanah dan tunggakan cukai tanah bagi tempoh 2010 hingga 2012 adalah seperti berikut:

2.4.1.1. Kutipan Cukai Tanah Tidak Mencapai Sasaran

- a. Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Perancangan, Kewangan, Tanah Dan Sumber Asli (Jawatankuasa) yang dipengerusikan oleh Menteri Besar ada menetapkan sasaran kutipan hasil cukai tanah bagi tahun 2011 hingga 2012 iaitu sebanyak 93% daripada keseluruhan jumlah cukai tanah patut dikutip. Manakala tiada sasaran ditetapkan bagi tahun 2010. Prestasi kutipan hasil cukai tanah bagi tempoh 2011 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2**Prestasi Kutipan Cukai Tanah Seluruh Negeri Sembilan Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Tahun	Cukai Patut Kutip (RM Juta)	Hapus Kira Cukai (RM Juta)	Kutipan Cukai Sebenar (RM Juta)	Peratus Kutipan Cukai (%)
2010	111.64	2.40	100.09	91.6
2011	118.36	5.63	99.93	88.6
2012	123.71	8.96	105.70	92.1

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri

- b. Berdasarkan jadual di atas, pencapaian kutipan cukai tanah bagi tahun 2011 dan 2012 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan sebanyak 93% iaitu masing-masing sebanyak 88.6% dan 92.1%. Bagaimanapun, ianya telah hampir kepada sasaran bagi tahun 2012 dan prestasi kutipan cukai tanah bagi tahun 2012 meningkat kepada RM105.70 juta berbanding RM99.93 juta pada tahun 2011 iaitu peningkatan sejumlah RM5.77 juta atau 5.8%. Sementara itu, prestasi kutipan hasil cukai tanah bagi daerah Seremban dan Rembau adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3**Prestasi Kutipan Cukai Tanah Di Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban Dan Rembau****Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Tahun	Cukai Patut Kutip (RM Juta)		Hapus Kira Cukai (RM Juta)		Kutipan Cukai Sebenar (RM Juta)		Peratus Kutipan Cukai (%)	
	Seremban	Rembau	Seremban	Rembau	Seremban	Rembau	Seremban	Rembau
2010	58.35	3.19	2.21	0.01	50.99	3.02	90.8	95.0
2011	63.71	3.25	5.37	0.02	49.81	3.06	85.4	94.7
2012	66.52	3.27	8.51	0.02	51.61	3.14	89.0	96.6

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri

- c. Merujuk kepada jadual di atas, kutipan hasil cukai tanah di PDTR bagi tahun 2011 dan 2012 telah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu masing-masing 94.7% dan 96.6%. Bagaimanapun, prestasi kutipan cukai tanah di PDTS bagi tempoh yang sama tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 85.4% bagi tahun 2011 dan 89% bagi tahun 2012. Namun begitu, jumlah kutipan bagi kedua-dua Pejabat Daerah Dan Tanah tersebut menunjukkan peningkatan pada tahun 2012 berbanding 2011.
- d. Pihak Audit dimaklumkan kutipan cukai tanah tidak mencapai sasaran kerana terdapat masalah pada hak milik seperti tiada alamat atau alamat tidak lengkap menyebabkan bil cukai dikembalikan semula kepada Pejabat Tanah selain kurangnya kesedaran pemilik membayar cukai tanah.

2.4.1.2. Kutipan Tuggakan Cukai Tanah Tidak Mencapai Sasaran

- a. Selain daripada menetapkan sasaran untuk hasil kutipan cukai tanah berulang, Jawatankuasa juga telah menetapkan sasaran kutipan tuggakan hasil cukai tanah bagi tahun 2011 dan 2012 sebanyak 50% daripada keseluruhan jumlah tuggakan cukai tanah patut dikutip. Manakala tiada sasaran ditetapkan bagi tahun 2010. Prestasi kutipan tuggakan hasil cukai tanah bagi tempoh 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4**Prestasi Kutipan Tuggakan Cukai Tanah Seluruh Negeri Sembilan
Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Tahun	Tuggakan Cukai Patut Kutip (RM Juta) (a)	Hapus Kira Cukai (RM Juta) (b)	Tuggakan Cukai Patut Kutip Bersih (RM Juta) (a) – (b)	Kutipan Tuggakan Cukai Sebenar (RM Juta)	Peratus Kutipan Tuggakan Cukai (%)
2010	47.67	0.98	46.69	12.77	27.4
2011	49.31	1.47	47.84	10.92	22.8
2012	46.89	8.01	38.88	9.72	25.0

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri

- b. Berdasarkan jadual di atas, prestasi keseluruhan kutipan tunggakan hasil tanah bagi tahun 2011 dan 2012 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu antara 22.8% hingga 25%. Jumlah kutipan tunggakan cukai juga menunjukkan penurunan iaitu daripada RM10.92 juta pada tahun 2011 kepada RM9.72 juta pada tahun 2012 di mana penurunan sejumlah RM1.20 juta atau 11%. Sementara itu, prestasi kutipan tunggakan hasil cukai tanah bagi daerah Seremban dan Rembau adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5**Prestasi Kutipan Tuggakan Cukai Tanah Di Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban
Dan Rembau Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Tahun	Tuggakan Cukai Patut Kutip (RM Juta)		Hapus Kira Tuggakan Cukai (RM Juta)		Kutipan Tuggakan Cukai Sebenar (RM Juta)		Peratus Kutipan Tuggakan Cukai (%)	
	Seremban	Rembau	Seremban	Rembau	Seremban	Rembau	Seremban	Rembau
2010	32.47	0.60	0.25	0.03	6.59	0.35	20.5	61.4
2011	33.17	0.42	0.32	0.07	5.54	0.14	16.9	40.0
2012	33.41	0.31	6.16	0.08	5.83	0.12	21.4	52.2

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri

- c. Merujuk kepada jadual di atas, kutipan tunggakan hasil cukai tanah di PDTR mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2012 iaitu 52.5% berbanding 40% pada tahun 2011. Bagaimanapun, prestasi kutipan tunggakan cukai tanah di PDTA tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tempoh 2011 dan 2012 iaitu antara 16.9% dan 21.4%. Bagaimanapun, dari segi jumlah kutipan tunggakan cukai tanah menunjukkan trend peningkatan di PDTA serta trend menurun di PDTR iaitu dari RM0.14 juta pada tahun 2011 kepada RM0.12 juta pada tahun 2012.
- d. Pihak Audit dimaklumkan masalah tunggakan cukai tanah tidak dapat dikutip adalah disebabkan bil cukai dan Notis 6A tidak sampai kepada pemilik kerana tiada alamat terkini dan lengkap. Ini akan menyebabkan Kerajaan Negeri kehilangan hasil tanah apabila tunggakan tidak dapat dikutip dan seterusnya akan dihapus kira.
- e. **Mengikut maklum balas PDTA bertarikh 31 Mei 2013, prestasi kutipan hasil kurang memuaskan dan tunggakan cukai tanah tidak mencapai sasaran adalah disebabkan beberapa faktor antaranya masalah sistem hasil tanah Negeri Sembilan (SIHAT) seperti maklumat yang telah dikemas kini kembali kepada maklumat asal dan hak milik yang telah dibatalkan masih terdapat dalam SIHAT**

serta masih dikeluarkan bil. Faktor lain adalah hak milik bermasalah yang menyebabkan cukai tanah tidak dapat dikutip seperti pemaju tidak membuat proses serah balik tanah bagi hak milik kawasan lapang, hak milik yang didaftarkan atas nama pelbagai agensi berkaitan Kerajaan tidak menjelaskan cukai tanah, hak milik tiada alamat, pemaju gagal menyempurnakan permohonan pendaftaran hak milik strata kepada pemilik-pemilik petak. Selain itu, bil cukai tanah dikembalikan semula oleh Pos Malaysia Berhad kepada Pejabat Daerah Dan Tanah atas alasan alamat tidak lengkap selain kurangnya kesedaran pemilik untuk membayar cukai tanah.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan cukai tanah keseluruhannya adalah baik di mana peratus kutipan cukai bagi tempoh 2010 hingga 2012 adalah antara 88.6% hingga 92.1% walaupun tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Jumlah kutipan cukai tanah juga menunjukkan peningkatan bagi tempoh 2010 hingga 2012. Bagaimanapun, prestasi kutipan tunggakan cukai tanah keseluruhannya agak kurang memuaskan kerana peratus kutipan tunggakan cukai hanya 22.8% hingga 27.4% berbanding sasaran 50%.

2.4.2. Pengurusan Bayaran Tunggakan Cukai Tanah Tidak Mengikut Peruntukan Undang-undang

2.4.2.1. Mengikut Seksyen 97 dan Seksyen 98 KTN 1965 (Akta 56), menetapkan bahawa sekiranya pemilik tanah yang tidak menjelaskan cukai semasa pada atau sebelum 31 Mei tiap-tiap tahun atau tempoh yang dilanjutkan, Pentadbir Tanah akan mengeluarkan notis tuntutan melalui pemberitahuan dalam Borang 6A (Notis Tuntutan Tunggakan Sewa) bagi menuntut pemilik tanah menjelaskan cukai. Bagi Notis 6A yang tidak dapat disampaikan kerana ketiadaan alamat terkini dan lengkap, Notis Gantian akan dikeluarkan sehingga tempoh 3 bulan. Jika amaun yang dituntut tidak dijelaskan dengan sepenuhnya dalam tempoh 3 bulan, Pentadbir Tanah menurut kuasa yang diberi di bawah Seksyen 100 KTN akan mengisyiharkan dengan perintah bahawa tanah itu dilucut hak kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan menjadi tanah Kerajaan semula melalui pemberitahuan di dalam borang 8A (Notis Perkembalian Tanah Kepada Kerajaan) menurut seksyen 130 KTN 1965.

2.4.2.2. Semakan Audit mendapati penguatkuasaan terhadap pengurusan bayaran tunggakan cukai tanah yang tidak mengikut undang-undang adalah seperti berikut:

a. Notis 6A Tidak Dikeluarkan

- i. Sehingga akhir tahun 2012, tunggakan cukai tanah berdasarkan rekod PTGNS adalah berjumlah RM46.89 juta melibatkan 83,894 hak milik. Ini termasuk jumlah tunggakan cukai tanah di PDTS dan PDTR masing-masing sejumlah RM21.3 juta dan RM0.1 juta. Antara tunggakan cukai tanah yang tertinggi adalah melibatkan 33,204 hak milik tanah berjumlah RM5.22 juta yang dicagarkan kepada Bahagian

Pinjaman Perumahan (BPP). Maklumat lanjut mengenai tunggakan cukai tanah yang dicagarkan kepada BPP adalah seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6

Tunggakan Cukai Tanah Bagi Hak Milik Yang Dicagarkan Kepada BPP

Bil.	Pejabat Daerah Dan Tanah	Bilangan Hak Milik	Cukai Semasa (RM Juta)	Denda (RM Juta)	Tunggakan (RM Juta)
1.	Seremban	21,322	1.65	1.26	3.56
2.	Rembau	1,096	0.06	0.01	0.04
3.	Lain-Lain Daerah	10,786	0.88	0.50	1.62
	Jumlah	33,204	2.59	1.77	5.22

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri

- ii. Semakan Audit mendapati, Pejabat Daerah Dan Tanah tidak mengeluarkan Notis 6A bagi tunggakan cukai tanah yang melibatkan hak milik yang dicagarkan kepada BPP. Berdasarkan minit Mesyuarat Berkaitan Cukai Tanah Yang Tidak Dapat Dikutip Bagi Hak Milik Yang Telah Dicagarkan Kepada Bahagian Pinjaman Perumahan pada 16 April 2012, pihak BPP telah memaklumkan antara kumpulan peminjam yang sukar untuk membayar kembali pinjaman ialah peminjam yang terdiri daripada anggota tentera yang telah bersara daripada perkhidmatan. Kesan daripada ini telah menyebabkan tindakan perampasan tanah tidak dapat dilaksanakan seterusnya menyebabkan Kerajaan Negeri kehilangan hasil tanah. Secara tidak langsung, ia juga akan meningkatkan jumlah tunggakan cukai tanah.
- iii. **Mengikut maklum balas PTGNS bertarikh 17 Julai 2013, perbincangan bersama pihak BPP telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini dan cadangan Pejabat Tanah supaya memotong gaji dan pencen masih dalam kajian pihak Jabatan Perkhidmatan Awam. Selain itu, permohonan BPP untuk mendapatkan dana tidak mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan.**

b. Kelewatan Mengeluarkan Notis 8A

- i. Mengikut Seksyen 97 dan Seksyen 98 KTN 1965 (Akta 56), Notis Tuntutan Tunggakan Sewa (Notis 6A) akan dikeluarkan sekiranya pemilik tanah gagal menjelaskan tunggakan cukai tanah semasa dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya pemilik tanah tidak menjelaskan juga cukai dalam tempoh 3 bulan selepas Notis 6A, Pentadbir Tanah menurut kuasa yang diberi di bawah Seksyen 100 KTN akan mengisyiharkan dengan perintah bahawa tanah itu dilucut hak kepada PBN melalui pemberitahuan di dalam Notis Perkembalian Tanah Kepada Kerajaan (Notis 8A) menurut seksyen 130 KTN 1965.
- ii. Berdasarkan semakan terhadap sampel Audit mendapati proses pengeluaran Notis 8A lewat dikeluarkan iaitu melebihi 3 bulan daripada tarikh Notis 6A

dikeluarkan untuk 17 hak milik tanah di PDTS dan 6 hak milik tanah di PDTR seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7

Tempoh Kelewatan Notis 8A Dikeluarkan Di PDTS Dan PDTR

Pejabat Daerah Dan Tanah	Tempoh Kelewatan (Bilangan Hak Milik)			Jumlah
	1-6 Bulan	6 – 12 Bulan	> 12 Bulan	
Seremban	-	-	17	17
Rembau	1	5	-	6
Jumlah	1	5	17	23

Sumber: PDTS Dan PDTR

- iii. Berdasarkan kepada jadual di atas, sebanyak 17 hak milik di PDTS lewat dikeluarkan notis 8A melebihi 12 bulan. Manakala 6 hak milik di PDTR lewat dikeluarkan iaitu 1 hak milik lewat dikeluarkan antara 1 hingga 6 bulan dan 5 hak milik lewat dikeluarkan antara 6 hingga 12 bulan.
- iv. **Maklum balas PDTS bertarikh 31 Mei 2013, setelah mengambil kira penemuan Audit, tindakan mengeluarkan Notis Tuntutan Hasil Terhutang (Borang 6A) telah dibuat ke atas hak milik terlibat. Tindakan perampasan di bawah seksyen 97 hingga 100 dan 130 Kanun Tanah Negara 1965 tidak dapat dilaksanakan dalam tahun yang sama memandangkan hampir 85% Notis 6A tidak dapat disampaikan disebabkan alamat pemaju telah berpindah dan tidak wujud. Hal ini menyebabkan tindakan penyampaian notis perlu disusuli dengan Notis Gantian. Tindakan ini akan menyebabkan kos dan masa perampasan bertambah disebabkan setiap notis gantian perlu diwartakan.**
- v. **Maklum balas PDTR bertarikh 20 Mei 2013, kelewatan ini disebabkan oleh Notis 6A yang dihantar gagal sampai kepada pemilik tanah dan pihak berkepentingan. Bagi setiap Notis 6A yang gagal sampai dan dikembalikan, Notis 6A Gantian akan dibuat dan diwartakan. Notis 6A yang dapat disampaikan perlu mengikut proses yang sama iaitu dari segi semakan draf di PTGNS seterusnya Pejabat Penasihat Undang-undang. Semua proses ini memakan masa yang panjang kerana Penghantar Notis perlu mencari pemilik dan menyampaikan notis kepada pihak yang berkepentingan. Masalah utama dalam penyampaian Notis ini adalah pemilik tidak mengemas kini alamat serta masih menggunakan alamat semasa urusan permohonan hak milik terdahulu.**

c. **Kelemahan Proses Tindakan Perampasan Dan Serah Balik Tanah**

Bahagian Dua Belas, Seksyen 195 hingga 204 Kanun Tanah Negara menerangkan penyerahan balik hak milik keseluruhan atau sebahagian tanah dengan kelulusan dari Pengarah Negeri atau Pentadbir Tanah. Berdasarkan peruntukan tersebut, tanah

yang telah menjadi tempat kegunaan awam seperti kawasan pencawang elektrik, lebuh raya dan loji kumbahan sepatutnya dipindah milik kepada pihak yang bertanggungjawab menguruskan tanah tersebut seperti Tenaga Nasional Berhad atau Indah Water Konsortium Berhad. Berdasarkan Laporan Senarai Rekod Tunggakan, lawatan ke lokasi tanah yang dipilih di daerah Seremban dan Rembau telah dibuat bersama Pegawai Penilai Tanah dan mendapati perkara seperti berikut:

i. **Hak Milik PN 43858 Lot 4144 Mukim Titian Bintangor**

- Hak milik tanah di atas didaftarkan atas nama sebuah syarikat sendirian berhad bagi tujuan tanaman kelapa sawit. Setakat bulan Disember 2012, tunggakan keseluruhan cukai tanah adalah berjumlah RM10,191 dan masih belum dijelaskan. Notis 6A juga masih belum dikeluarkan. Lawatan Audit ke tapak mendapati kawasan tersebut masih diusahakan dengan tanaman kelapa sawit.
- **Menurut maklum balas PTGNS bertarikh 17 Julai 2013, Notis 6A telah disediakan setelah mengambil kira penemuan Audit dan akan diserahkan kepada syarikat tersebut selepas 31 Julai 2013 iaitu tarikh tamat tempoh pengenaan denda lewat cukai tanah bagi tahun 2013.**
- **Menurut maklum balas PDTR bertarikh 3 Oktober 2013, kesemua cukai dan tunggakan cukai tanah sehingga tahun 2013 berjumlah RM20,585 telah berjaya diselesaikan pada 31 Julai 2013.**

ii. **Hak Milik GRN 85720 Lot 10112 Pekan Sungai Gadut**

- Hak milik tanah tersebut didaftarkan di atas nama sebuah syarikat sendirian berhad. Setakat Disember 2012, tunggakan keseluruhan adalah berjumlah RM26,848. Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban telah menghantar Notis 6A kepada pemilik tetapi belum dijelaskan. Lawatan Audit ke tapak mendapati kawasan tersebut telah dibina dengan taman permainan dan rekreasi seperti di **Gambar 2.1**.



**Gambar 2.1
Taman Permainan Dan Rekreasi**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Sungai Gadut
Tarikh: 27 Disember 2012

- Mengikut balas PTGNS bertarikh 17 Julai 2013, setelah mengambil kira penemuan Audit, warta Notis Gantian telah dikeluarkan pada 20 Jun 2013 dan proses pengeluaran Notis 8A akan dilaksanakan selepas tamat tempoh 3 bulan.

iii. Hak Milik GRN 215822 Lot 114819 Pekan Paroi

- Hak milik tanah tersebut didaftarkan di atas nama sebuah syarikat sendirian berhad. Setakat bulan Disember 2012, tunggakan keseluruhan adalah berjumlah RM75,599. Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban telah menghantar Notis 6A kepada pemilik tetapi belum dijelaskan. Lawatan Audit ke tapak mendapati kawasan tersebut telah dibina padang permainan seperti di **Gambar 2.2**.



**Gambar 2.2
Kawasan Padang Permainan**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Paroi
Tarikh: 27 Disember 2012

- Mengikut maklum balas PTGNS bertarikh 17 Julai 2013, berdasarkan penemuan Audit, warta Notis Gantian telah ditampal di tanah berkenaan dan proses pengeluaran Notis 8A akan dilaksanakan selepas tamat tempoh 3 bulan.

iv. Hak Milik HSD 146285 PT 1515 Mukim Ampangan

- Hak milik tanah di atas didaftarkan atas nama Syarikat Kerjasama Perumahan Kakitangan Kerajaan. Setakat bulan Disember 2012, tunggakan keseluruhan adalah berjumlah RM567,648. Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban telah menghantar Notis 6A kepada pemilik tetapi belum dijelaskan. Lawatan Audit ke tapak mendapati kawasan tersebut telah dibangunkan dengan kawasan perumahan Taman Desa Dahlia seperti di **Gambar 2.3**.



Gambar 2.3
Kawasan Perumahan Taman Desa Dahlia

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Mukim Ampangan

Tarikh: 20 Disember 2012

- Mengikut maklum balas PTGNS bertarikh 17 Julai 2013, hak milik tanah ini adalah hak milik *master title* yang masih wujud dalam SIHAT dan mempunyai tunggakan cukai tanah berjumlah RM540,617 mulai tahun 2007 hingga kini. Berdasarkan penemuan Audit, hak milik ini telah dibatalkan pada 15 Julai 2013 kerana hak milik ini telah diserah dan diberi milik semula di bawah Seksyen 197 dan 76 Kanun Tanah Negara 1965.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran tunggakan cukai tanah adalah kurang memuaskan kerana Notis 6A dan Notis 8A lewat dikeluarkan kepada pemilik tanah yang gagal menjelaskan tunggakan cukai tanah. Selain itu, proses serah milik tanah tidak dilaksanakan dan status hak milik tanah tidak dikemas kini dalam sistem.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan kutipan hasil cukai tanah dapat dilaksanakan dengan cekap selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan, adalah disyorkan PTGNS, PDT dan PDTR mengambil tindakan seperti berikut:

- 2.5.1. Melipat gandakan usaha untuk mengutip tunggakan cukai tanah memandangkan ianya adalah antara hasil utama kepada Pejabat Tanah.
- 2.5.2. Memastikan pengeluaran Notis 6A dan Notis 8A dikeluarkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan.
- 2.5.3. Meningkatkan pemantauan terhadap tanah yang mempunyai tunggakan bagi memastikan status tunggakan tanah-tanah tersebut sama ada boleh dikutip atau tidak dapat dikutip.
- 2.5.4. Memastikan hak milik (*master title*) yang masih wujud dalam Sistem Hasil Tanah dibatalkan bagi projek perumahan yang telah dipecahkan kepada hak milik lot-lot kecil.
- 2.5.5. Membincangkan dengan Pihak Berkuasa Negeri bagi menyelesaikan masalah tunggakan hasil cukai tanah oleh Agensi Kerajaan Negeri.

**JABATAN KERJA RAYA
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PORT DICKSON
PEJABAT DAERAH DAN TANAH JEMPOL**

3. PROGRAM PENYENGGARAAN JALAN NEGERI

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Jalan Negeri bermaksud mana-mana jalan awam, selain daripada jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Mengikut Jadual 10 Perlembagaan Persekutuan, penyenggaraan jalan Negeri bermaksud pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan terhadap jalan Negeri, perabot tepi jalan, jambatan dan pembetung yang menjadi sebahagian dari jalan tersebut bagi tujuan mengekalkan keadaannya seperti mana dibina atau dibaiki. Berdasarkan kepada rekod *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS), panjang rangkaian jalan Negeri yang disenggarakan pada akhir tahun 2012 adalah 9,473.757 km yang melibatkan sebanyak 12,366 batang jalan. Jalan Negeri disenggarakan oleh Jabatan/Agensi pelaksana di peringkat Negeri iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkusa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) serta Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).

3.1.2. Kerja penyenggaraan jalan ini terbahagi kepada 3 kategori penyenggaraan iaitu biasa, berkala dan kecemasan. Penyenggaraan biasa meliputi kerja pemberian ke atas kerosakan yang boleh dijangka dan dikawal dari segi sifatnya dan penentuan masa pemberian, serta tidak membabitkan kelemahan struktur *pavemen* jalan. Penyenggaraan berkala pula melibatkan kerja seperti menguatkan struktur *pavemen* jalan, membuang permukaan jalan sedia ada dan menggantikan dengan permukaan jalan yang baru (*resurfacing*) dan menampal permukaan jalan yang retak sebelum menurap semula jalan sedia ada. Manakala kerja penyenggaraan kecemasan melibatkan kerosakan yang tidak dapat dijangkakan atau di luar kawalan tetapi memberi kesulitan atau membahayakan pengguna jalan raya dengan serta merta seperti tanah runtuhan, tambak/benteng runtuhan, jambatan runtuhan, pokok tumbang, pembetung dan struktur parit runtuhan dan tumpahan bahan kimia. Kerja penyenggaraan jalan ini dilaksanakan oleh kakitangan Jabatan dan kontraktor yang dilantik oleh Jabatan/Agensi Pelaksana melalui tender, sebut harga dan pelantikan terus. Penyenggaraan biasa dan penyenggaraan berkala ini adalah dibiayai daripada peruntukan perbelanjaan mengurus. Selain itu, Jabatan juga menjalankan kerja menaik taraf jalan yang dibiayai daripada peruntukan perbelanjaan pembangunan.

3.1.3. Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan menetapkan Kerajaan Persekutuan memberi pemberian secara khusus kepada Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan jalan Negeri. Jumlah pemberian ini adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam MARRIS. Jalan Negeri yang layak mendapat pemberian penyenggaraan

terdiri daripada jalan bertaraf *standard*; jalan *sub-standard*; iaitu jalan kawasan perumahan kos rendah, jalan lorong belakang dan jalan pertanian/pelancongan/jalan kampung dengan ciri-ciri yang ditetapkan. Pemberian penyenggaraan jalan Negeri diterima secara berperingkat setiap tahun daripada Kerajaan Persekutuan. Sumber kewangan penyenggaraan jalan Negeri ini diakaunkan dalam Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (Akaun Amanah). Berdasarkan kepada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 hingga 2012, peruntukan yang diterima adalah sejumlah RM573.29 juta dan telah membelanjakan sejumlah RM495.59 juta atau 86.4% bagi tempoh tersebut.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada penyenggaraan jalan Negeri telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, berekonomi serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan kerja penyenggaraan jalan Negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi pelaksana di daerah Seremban, Port Dickson dan Jempol bagi tempoh 2010 hingga 2013. Jabatan/Agensi pelaksana yang terlibat adalah JKR, Majlis Perbandaran Seremban, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Pejabat Daerah Dan Tanah. Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen berkaitan seperti jadual penyenggaraan, rekod panjang jalan, sebut harga kontrak penyenggaraan jalan, mengkaji dan menganalisis data yang berkaitan dengan aktiviti terimaan dan penggunaan Akaun Amanah yang dilaksanakan Jabatan/Agensi pelaksana. Selain itu, pihak Audit juga mengadakan lawatan ke lokasi yang terlibat. Temu bual dengan pegawai yang terlibat juga dilakukan bagi mengesahkan maklumat yang diterima.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mei hingga Julai 2013 ini mendapati secara keseluruhannya program penyenggaraan jalan negeri di Negeri Sembilan adalah memuaskan kerana perbelanjaan melalui Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri meningkat setiap tahun dan pelaksanaan kerja penyenggaraan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, beberapa kelemahan yang ditemui seperti dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Ketepatan maklumat jalan dalam Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (Sistem MARRIS) diragui.
- Jadual penyenggaraan jalan tidak disediakan.
- Perbelanjaan bagi perolehan yang tidak dibenarkan oleh Arahan Amanah.

3.4.1. Prestasi Perbelanjaan Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan Raya

3.4.1.1. Kos penyenggaraan jalan raya negeri dan lain-lain perbelanjaan pengurusan yang berkaitan dibiayai melalui Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri yang ditubuhkan mengikut Akta Acara Kewangan 1957. Sumber dana akaun ini adalah daripada pemberian Kerajaan Persekutuan. Pada tempoh tahun 2010 hingga 2012, sejumlah RM573.29 juta bagi maksud pemberian jalan raya negeri telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Manakala pembayaran melalui akaun ini bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM495.59 juta atau 86.4% daripada jumlah peruntukan. Kedudukan perbelanjaan Akaun Amanah mengikut Jabatan/Agensi pelaksana dan peratus perbelanjaan berbanding peruntukan yang diterima bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1

**Pecahan Perbelanjaan Mengikut Jabatan/Agensi Pelaksana
Bagi Tempoh Tahun 2010 Hingga 2012**

Jabatan/Agensi Pelaksana	Tahun			Jumlah (RM Juta)
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	
Jabatan Kerja Raya	99.81	115.51	104.44	319.76
Pihak Berkuasa Tempatan	27.33	40.04	66.47	133.84
Pejabat Daerah Dan Tanah	0.00	10.64	22.76	33.40
Jabatan Pengairan Dan Saliran	2.39	2.95	3.25	8.59
Jumlah Perbelanjaan	129.53	169.14	196.92	495.59
Jumlah Peruntukan Diterima	184.55	199.00	189.74	573.29
Peratus Perbelanjaan (%)	70.2%	85.0%	103.8%	86.4%
Baki Pada 31 Disember	229.51	259.37	252.19	

Sumber: Penyata Terimaan Dan Perbelanjaan Akaun Amanah

3.4.1.2. Peratus perbelanjaan penyenggaraan jalan melalui Akaun Amanah menunjukkan peningkatan dari tahun 2010 hingga 2012 iaitu masing-masing sebanyak 70.2%, 85% dan 103.8%. Perbelanjaan tertinggi dilakukan oleh JKR dan diikuti oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi tempoh 2010 hingga 2012, jumlah perbelanjaan penyenggaraan jalan oleh JKR adalah RM319.76 juta atau 64.5% daripada jumlah perbelanjaan dan 55.8% daripada jumlah peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Manakala perbelanjaan penyenggaraan jalan oleh PBT bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM133.84 juta atau 27% daripada jumlah perbelanjaan bagi tempoh tersebut.

3.4.1.3. Maklum balas JKR bertarikh 4 Oktober 2013, memaklumkan bahawa JKR akan sentiasa memantau perbelanjaan agar ia sentiasa mencapai peratusan yang optimum setiap tahun dan dalam masa yang sama pihak JKR turut melaksanakan audit silang.

Pada pendapat Audit, perbelanjaan bagi tujuan penyenggaraan jalan adalah baik kerana Kerajaan Negeri melalui Jabatan/Agensi Pelaksana telah menggunakan peruntukan secara optimum. Peratus Perbelanjaan melebihi 100% daripada

peruntukan yang diterima bagi tahun 2012 selain menunjukkan peningkatan perbelanjaan setiap tahun dalam tempoh 2010 hingga 2012.

3.4.2. Ketepatan Data Jalan Dalam MARRIS Diragui

3.4.2.1. Bilangan dan panjang jalan Negeri yang disenggara oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri secara keseluruhannya pada 31 Disember 2012 seperti mana yang direkodkan di dalam MARRIS adalah sebanyak 12,366 batang jalan dengan jarak keseluruhan sepanjang 9,473.757 kilometer (km) seperti di **Jadual 3.2**. Semakan terhadap data jalan di dalam MARRIS mendapati data yang dimasukkan tidak kemas kini, berlaku pertindihan kod pengenalan (ID) jalan dan pertindihan Jabatan/Agensi yang bertanggungjawab terhadap menyenggara jalan tersebut seperti di **Jadual 3.3**. Keadaan ini menyebabkan jumlah panjang jalan yang direkodkan dalam MARRIS tidak menunjukkan kedudukan sebenar dan akan menyebabkan jumlah peruntukan yang diterima tidak tepat.

Jadual 3.2
Bilangan Dan Jumlah Panjang Jalan Negeri Pada 31 Disember 2012

Jabatan/Agensi	Bilangan Jalan	Panjang Jalan (km)
Jabatan Kerja Raya	152	967.249
Pejabat Daerah Dan Tanah	3,019	3,450.901
Pihak Berkuasa Tempatan	9,003	4,494.957
Jabatan Pengairan Dan Saliran	192	560.650
Jumlah	12,366	9,473.757

Sumber: Sistem MARRIS

Jadual 3.3
Kesilapan Data Jalan Dalam MARRIS

Bil.	ID Jalan	Nama Jalan	Tahun Daftar	Jabatan/Agensi Pelaksana	Catatan	
1.	04936	Jalan Kg Dusun Nyior	2009	PDT Seremban	Satu jalan mempunyai banyak ID	
	00126	Jalan Kg Dusun Nyior Ampangan	2007			
	04938	Jalan Kg Jiboi Baru	2009			
	00126	Jalan Kg Jiboi Baru	2007			
	00109	Jalan Kg Jimah Lama	2004	PDT Port Dickson		
	02603	Jalan Kg Jimah Lama	2007			
	00109	Jalan Kg Sungai Sendayan	2006			
	02607	Jalan Kg Sungai Sendayan	2007			
2.	00126	Jalan Kg Dusun Nyior Ampangan	2007	PDT Seremban	Pertindihan ID Jalan. Terdapat 240 batang jalan dalam PDT Seremban menggunakan kod 00126.	
	00126	Jalan Kg Dusun Nyiur Ampangan	2006			
	00126	Jalan Bahagia 1-5 Kg Jiboi	2007			
	00126	Jalan Kg Batu 10 Labu	2006			
	00126	Jalan Kg Batu 18 Ulu Beranang	2007			
	00126	Jalan Kg Jiboi Baru	2007			
	00109	Jalan Baru Perkuburan Cina Chuah (Fasa 1)	2005	PDT Port Dickson	Pertindihan ID Jalan. Terdapat 115 batang jalan dalam PDT Port Dickson menggunakan kod 00109	
	00109	Jalan Baru Perkuburan Cina Chuah (Fasa 2)	2005			
	00109	Jalan Baru Perkuburan Cina Chuah (Fasa 1)	2004			
	00109	Jalan Baru Perkuburan Cina Chuah (Fasa 2)	2004			
	00109	Jalan Kg Baru Sirusa	2004			

Sumber: Sistem MARRIS

3.4.2.2. Semakan Audit di MPS pula mendapati, terdapat 110 taman perumahan di mana jalan taman masing-masing masih belum didaftarkan ke dalam Sistem MARRIS. Sehingga kini, sebanyak 203 taman perumahan telah didaftarkan jalan perumahan masing-masing berbanding 313 buah keseluruhan taman perumahan yang berada di bawah kawalan MPS. Kelewatan pendaftaran jalan di dalam taman perumahan ini akan menyebabkan data jalan sedia ada tidak kemas kini.

3.4.2.3. Maklum balas JKR bertarikh 4 Oktober 2013, memaklumkan bahawa Jabatan dan Agensi Pelaksana akan mengambil tindakan serta-merta dalam sistem MARRIS Online serta akan membuat pemutihan bagi data-data yang tidak aktif. Maklum balas MPS bertarikh 10 Oktober 2013, memaklumkan bahawa semakan semula mendapati sebanyak 235 taman perumahan yang telah didaftarkan jalan perumahan masing-masing berbanding 318 buah keseluruhan taman perumahan yang berada di bawah kawalan MPS.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan data jalan dalam MARRIS kurang memuaskan kerana terdapat keraguan terhadap data yang dikunci masuk.

3.4.3. Jadual Penyenggaraan Jalan Tidak Disediakan

3.4.3.1. Jadual penyenggaraan perlu diwujudkan bagi mengenal pasti tempoh sesuatu jalan tersebut perlu disenggara dan diturap semula. Langkah ini akan dapat memanjangkan usia guna sesuatu jalan dan membolehkan langkah-langkah *preventive* dapat dilaksanakan. Terdapat 4 kategori penyenggaraan seperti mana yang dinyatakan di dalam Buku Senggara Jalan; Apa Yang Anda Tidak Perlu Tahu, iaitu penyenggaraan rutin, berkala, kecemasan dan pencegahan. Penyenggaraan berkala melibatkan pemeriksaan dan penilaian secara berkala ke atas keupayaan struktur *pavemen* jalan sedia ada dalam menampung unjuran beban trafik bagi menentukan kaedah pembaikan yang sesuai. Kerosakan permukaan jalan biasanya dapat dikaitkan dengan kelemahan struktur *pavemen* jalan. Contoh penyenggaraan berkala adalah seperti menguatkan struktur *pavemen* jalan, membuang permukaan jalan sedia ada dan menggantikan dengan permukaan jalan yang baru (*resurfacing*) dan dilaksanakan mengikut program setiap 5 hingga 10 tahun sekali berdasarkan purata trafik harian sebagaimana yang digariskan dalam *Highway Maintenance Manual* serta memotong dan menampal permukaan jalan yang retak sebelum menurap semula jalan sedia ada.

3.4.3.2. Semakan Audit mendapati Jabatan/Agensi pelaksana tidak menyediakan jadual penyenggaraan jalan. Bagaimanapun, pemantauan keadaan jalan tetap dilakukan dari semasa ke semasa oleh Jabatan/Agensi pelaksana. Kaedah pemantauan dilakukan dengan mewujudkan pasukan/kakitangan yang akan melakukan rondaan daripada semasa ke semasa bagi memastikan keadaan jalan. Semakan Audit mendapati JKR Negeri memantau keadaan jalan berdasarkan kedudukan warna iaitu hijau, kuning dan merah. Sekiranya sesuatu jalan masih berkeadaan baik, warna hijau akan diberikan. Bagi keadaan jalan yang separa baik dan memerlukan penyenggaraan dibuat akan ditandakan

dengan warna kuning. Manakala bagi keadaan jalan yang perlukan penyenggaraan segera, akan ditunjukkan dengan warna merah. Pihak MPS menentukan sama ada sesuatu jalan itu perlu kepada penyenggaraan berdasarkan kepada laporan yang dikeluarkan oleh pasukan E-Log. Pasukan ini ditubuhkan bagi melakukan rondaan pemantauan jalan serta juga berfungsi sebagai petugas yang mendapatkan data-data jalan baru bagi tujuan pendaftaran ke dalam MARRIS. Manakala bagi JKR Daerah Port Dickson dan Jempol, pemantauan keadaan jalan dilakukan masing-masingnya oleh pegawai yang dilantik dalam sesuatu zon dan pasukan rondaan Unit Jalan. Selain itu, penyenggaraan jalan dilakukan apabila menerima aduan atau permohonan daripada orang awam atau pihak tertentu seperti Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung.

3.4.3.3. Lawatan Audit ke beberapa lokasi mendapati keadaan jalan rosak dan perlu disenggarakan seperti perenggan di bawah. Pihak Audit tidak dapat memastikan bila kali terakhir jalan tersebut disenggarakan dan bila tarikh penyenggaraan berikutnya perlu dilakukan kerana ketiadaan jadual penyenggaraan.

a. Permukaan Jalan Yang Perlu Kepada Penyenggaraan

i. Lawatan Audit ke Taman Bukit Kepayang yang di bawah tanggungjawab MPS mendapati keadaan jalan telah merekah, pecah, tak rata serta bertampal-tampal seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2** yang memerlukan penyenggaraan segera. Manakala lawatan Audit ke Jalan N6 Siliau dan N159 Kampung Kuala Lukut, Port Dickson seperti di **Gambar 3.3** dan **Gambar 3.4** mendapati keadaan jalan merekah dan kerosakan tebing yang memerlukan tindakan penyenggaraan oleh pihak JKR.

Gambar 3.1
Jalan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bukit Kepayang, Seremban
Tarikh: 16 Mei 2013

Gambar 3.2
Jalan Tak Rata



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bukit Kepayang, Seremban
Tarikh: 16 Mei 2013

**Gambar 3.3
Jalan Merekah**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan N6 Siliau – Rantau, Port Dickson
Tarikh: 30 Mei 2013

**Gambar 3.4
Kerosakan Tebing Jalan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan N159 Kg. Kuala Lukut,
Tarikh: 5 Jun 2013

- ii. **Maklum balas JKR bertarikh 4 Oktober 2013, memaklumkan bahawa Jabatan dan Agensi Pelaksana akan membaik pulih jalan yang rosak dalam tempoh masa yang sewajarnya. Maklum balas MPS bertarikh 10 Oktober 2013, memaklumkan bahawa tindakan membaik pulih kerosakan tersebut secara jabatan (roadgeng) telah dibuat serta telah mengarahkan kepada pemaju untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan jalan yang masih di bawah tanggungjawab pemaju.**

b. Bahu Jalan Tidak Disenggarakan

Lawatan Audit ke Taman Bukit Chedang, Seremban 2 mendapati keadaan bahu jalan tidak diselenggarakan di mana rumput tidak dipotong di bahu jalan, cerun dan pembahagi jalan seperti di **Gambar 3.5**. Pihak Audit dimaklumkan bahawa jalan ini masih di bawah tanggungjawab kontraktor/pemaju. Sehubungan itu, pihak MPS boleh mengarahkan agar kontraktor berkenaan menjalankan kerja penyenggaraan tersebut. Lawatan ke tapak projek bagi kerja menebas dan membersihkan bahu Jalan N17 Dangi-Kepis-Bahau mendapati kerja pemotongan rumput telah dilaksanakan namun keadaan longkang kelihatan tidak disenggara dengan sempurna seperti di **Gambar 3.6**. **Maklum balas MPS bertarikh 10 Oktober 2013, memaklumkan bahawa jalan tersebut masih lagi di bawah penyenggaraan pihak pemaju dan telah diambil tindakan pemotongan rumput oleh pemaju.**

Gambar 3.5
Rumput Terbiar Tidak Dipotong Di Bahu Jalan, Cerun Dan Pembahagi Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bukit Chedang – Seremban 2
Tarikh: 16 Mei 2013

Gambar 3.6
Longkang Tidak Diselenggarakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan N17 Dangi – Kepis - Bahau
Tarikh: 1 Julai 2013

c. Perabot Jalan Rosak Dan Tidak Diganti

Tinjauan Audit ke Jalan N6 Siliau, Port Dickson mendapati beberapa pemantul cahaya (*roadstar reflector*) yang ditempatkan di bahu dan tengah jalan berselekeh telah rosak dan tercabut seperti di **Gambar 3.7**. Lawatan Audit ke Taman Bukit Chedang dan di sekitar bandar Seremban 2 mendapati papan tanda telah usang dan perlu kepada penyenggaraan oleh MPS seperti di **Gambar 3.8**. **Maklum balas JKR bertarikh 4 Oktober 2013, memaklumkan bahawa pemasangan pemantul cahaya dalam proses penggantian dengan bahan yang lebih berkualiti dan tahan penggunaannya.** **Maklum balas MPS bertarikh 10 Oktober 2013, memaklumkan bahawa pihak MPS telah menghantar surat kepada pihak Kompleks Mahkamah Seremban bagi membaik pulih keadaan papan tanda usang tersebut.**

Gambar 3.7
Pemanstul Cahaya Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan N6 Siliau – Rantau, Port Dickson
Tarikh: 30 Mei 2013

Gambar 3.8
Papan Tanda Usang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Persiaran S2/C1, Seremban 2
Tarikh: 16 Mei 2013

Pada pendapat Audit, pemantauan keadaan jalan untuk penyenggaraan adalah memuaskan tetapi kurang berkesan kerana tidak ada jadual penyenggaraan jalan disediakan bagi membolehkan penyenggaraan secara teratur dan berkala dapat dijalankan.

3.4.4. Perbelanjaan Tidak Dibenarkan Oleh Arahan Amanah

3.4.4.1. Para 6.2 Arahan Amanah membenarkan pembayaran bagi maksud perolehan barang dan perkhidmatan yang terlibat secara langsung dengan program penyenggaraan jalan. Semakan terhadap baucar bayaran mendapati berlaku kes di mana pembayaran telah dibuat terhadap aktiviti yang tidak terlibat secara langsung dengan program penyenggaraan jalan. Contoh perbelanjaan tersebut adalah seperti di **Jadual 3.4**. Semakan lanjut mendapati, keadaan sebegini berlaku kerana semua JKR peringkat Daerah dan Jabatan/Agensi pelaksana tidak dimaklumkan tentang jenis perbelanjaan yang dibenarkan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Arahan Amanah.

Jadual 3.4
Contoh Pembayaran Terhadap Perbelanjaan Yang Tidak Terlibat Secara Langsung Dengan Program Penyenggaraan Jalan

Agensi	Perkara Pembayaran	Amaun (RM)
Ibu Pejabat JKR	Bayaran tuntutan perpindahan/pertukaran pegawai dari JKR Masai, Johor ke JKR Negeri Sembilan	3,603
	Tuntutan perpindahan ke rumah yang dibeli melalui pinjaman perumahan Kerajaan	671
	Tuntutan bayaran balik pakaian menghadiri anugerah pingat di istana bersama pasangan	750
JKR Port Dickson	Membekal alat ganti dan penyenggaraan alat kelengkapan pejabat	20,180
	Bayaran bagi perkhidmatan yang lain – <i>3D lettering</i> Anugerah Kecemerlangan JKR Port Dickson, <i>Chart</i> – Anugerah Khidmat Cemerlang dan <i>Signage</i> logo JKR <i>with frame</i>	3,180
	Membekal alat tulis komputer - <i>Cartridge</i>	3,394
	Membekal kasut	3,933
	Penyelenggaraan alat kelengkapan pejabat – pasang piagam pelanggan	900
	Bayaran perkhidmatan <i>banner</i> kempen keselamatan jalan raya	11,600
	Membekal alat kecil pertanian (termasuk <i>stand fan</i> Panasonic berharga RM159)	1,359
	Membekal racun serangga dan racun tumbuhan	4,125
JKR Jempol	Bayaran imbuhan tahunan kerana bercuti tanpa gaji En. Taib b. Abd. Samad	583
	Bayaran pelajar latihan industri	795
	Bayaran kawalan keselamatan menjaga stor JKR Daerah	7,759
	Bayaran <i>banner</i> kempen keselamatan jalan raya	16,200
	Bayaran bekalan kasut kakitangan	1,440
	Bayaran pakaian seragam kakitangan	2,700
	Membekalkan kertas A4	1,090
	Bayaran <i>letter head</i>	330

Sumber: Baucar Bayaran Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri

3.4.4.2. Berdasarkan kepada para 6.2(d) Arahan Amanah, Jabatan/Agensi Pelaksana dibenarkan untuk membuat perolehan jentera dan kenderaan yang terlibat dengan kerja-kerja penyenggaraan jalan dan jambatan negeri. Semakan pihak Audit ke Cawangan Kejuruteraan Mekanikal mendapati sebanyak 58 buah jentera dan kenderaan telah diperoleh dengan menggunakan peruntukan dari Kumpulan Wang Amanah ini dengan kos keseluruhan berjumlah RM8.19 juta. Di antara jentera dan kenderaan yang diperoleh terdiri daripada lori *tipper*, *backhoe*, *skid steer loader*, Toyota Fortuner, Nissan X-Trail, Inokom Santa Fe, bas *coaster* dan *forklift*. Semakan Audit terhadap buku log kenderaan mendapati kenderaan Inokom Santa Fe yang diperoleh pada Julai 2012 sebanyak 9 buah dengan kos berjumlah RM900,000 tidak digunakan sepenuhnya bagi tujuan penyenggaraan jalan. Sebaliknya ia digunakan sebagai kenderaan bagi tujuan urusan pejabat yang lain. Sementara itu, perolehan kenderaan Nissan X-Trail telah diserahkan kepada Bahagian Korporat JKRNS bagi tujuan kegunaan urusan pejabat.

3.4.4.3. Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 4 Oktober 2013, semua JKR peringkat Daerah dan Jabatan/Agensi Pelaksana tidak dimaklumkan melalui edaran *trust deed* tentang jenis perbelanjaan namun Jawatankuasa sentiasa mengingatkan agensi pemohon semasa pembentangan permohonan dalam Jawatankuasa tentang jenis perbelanjaan yang dibenarkan.

Pada pendapat Audit, perbelanjaan daripada Akaun Amanah adalah kurang memuaskan kerana digunakan bagi tujuan selain daripada maksud penyenggaraan jalan.

3.4.5. Aduan Pelanggan

3.4.5.1. Rekod aduan pelanggan merupakan salah satu daripada kaedah pemantauan yang berkesan bagi menilai keberkesanan program penyenggaraan jalan yang dilaksanakan. Ia bertujuan untuk memastikan semua aduan/pertanyaan yang diterima daripada pelanggan diambil tindakan dengan cekap dan berkesan di samping mendapatkan maklum balas pelanggan mengenai keadaan dan kedudukan jalan yang mengalami masalah tersebut.

3.4.5.2. Pihak JKR Negeri telah memperkenalkan kaedah pelaporan aduan yang diterima kepada semua JKR Daerah untuk tujuan pemantauan mulai tahun 2012. Semakan ke atas pejabat JKR Daerah yang dilawati mendapati kesemua aduan yang diterima bagi tahun 2012 sebanyak 158 aduan telah diselesaikan. Manakala MPS menggunakan sistem ePublic bagi menguruskan aduan yang diterima. Berdasarkan data dari ePublic, adalah diperhatikan peratusan tindakan yang berjaya diselesaikan bagi kes kerosakan fizikal terhadap jalan raya adalah rendah iaitu antara 13.1% hingga 33.3%. Kerosakan fizikal jalan tersebut terdiri daripada kerosakan jalan, penutup lubang (*manhole*) rosak dan keadaan bonggol jalan yang tidak sempurna. Manakala, tindakan pembaikan bagi kes aduan terhadap perabot jalan telah berjaya diselesaikan pada

peratusan yang lebih tinggi antara 80.4% hingga 98.7%. Status aduan bagi tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Status Aduan Pelanggan Di MPS Bagi Tahun 2012

Jenis Aduan	Status Aduan Pelanggan					
	Terima	Dalam Tindakan	Batal	Ditutup	Selesai	Peratus Selesai (%)
Jalan Rosak	693	463	5	110	115	33.2
Penutup Lubang	3	2	-	-	1	33.3
Bonggol Jalan	107	93	3	2	9	13.1
Papan Tanda Lalu Lintas	28	4	3	1	20	85.7
Penunjuk Keselamatan	51	10	-	3	38	80.4
Lampu Jalan Tidak Berfungsi	551	7	18	329	197	98.7

Sumber: Rekod Aduan Dari Sistem ePublic, MPS

3.4.5.3. Mengikut maklum balas MPS bertarikh 10 Oktober 2013, kebanyakan daripada aduan yang berkaitan dengan jalan telah diselesaikan tetapi tidak dikemas kini di dalam sistem ePublic. Mesyuarat aduan awam untuk memantau aduan-aduan kawasan MPS yang dipengerusikan oleh Setiausaha Majlis diadakan 2 kali sebulan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aduan oleh JKR adalah baik kerana dapat menyelesaikan semua aduan yang diterima. Manakala pengurusan aduan oleh MPS kurang memuaskan kerana peratus penyelesaian kes aduan yang rendah.


3.4.6. Soal Selidik

Selain daripada menjalankan semakan terhadap dokumen berkaitan, lawatan tapak dan semakan fizikal, pihak Audit turut membuat analisis terhadap maklum balas yang diterima daripada kajian soal selidik yang dijalankan. Sebanyak 600 borang soal selidik telah dikemukakan kepada responden dan sebanyak 336 responden telah memulangkan semua borang soal selidik tersebut. Analisis terhadap soal selidik mendapati perkara seperti di bawah. Dan keputusan soal selidik adalah seperti di **Carta 3.1**.

3.4.6.1. Seramai 277 responden atau 82.4% menyatakan bahawa mereka selesa menggunakan jalan negeri sedia ada. Baki seramai 59 responden atau 17.6% merasakan jalan negeri sedia ada tidak selesa untuk digunakan berdasarkan kepada keadaan jalan yang rosak/berlubang, jalan sempit, jalan sesak dan jalan sering dinaiki air.

3.4.6.2. Seramai 276 responden atau 82.1% menyatakan mereka berasa selamat menggunakan jalan negeri sedia ada manakala baki seramai 60 responden atau 17.9% berasa kurang selamat antaranya kerana papan tanda tidak jelas/mengelirukan, lampu isyarat kerap rosak, tiada lampu isyarat disediakan dan tiada laluan pejalan kaki.

3.4.6.3. Kebanyakan pengguna jalan raya mencadangkan agar Jabatan/Agensi pelaksana meningkatkan kualiti kerja penyenggaraan dan beberapa cadangkan dikemukakan seperti melaksanakan *resurfacing* jalan mengikut kekerapan sepatutnya, menyediakan kemudahan lampu isyarat dan kemudahan pejalan kaki/jejantas serta menyenggara longkang di tepi jalan.



3.5. SYOR AUDIT

Penemuan Audit yang dibangkitkan berkaitan penyenggaraan jalan di atas memerlukan tindakan selanjutnya oleh Jabatan/Agensi pelaksana. Syor Audit agar Jabatan/Agensi pelaksana mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Semua Jabatan/Agensi pelaksana hendaklah mengemas kini rekod dan data jalan di dalam MARRIS bagi memastikan ketepatan dalam pengiraan pemberian jalan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Pemantauan yang lebih berkesan oleh JKR, sebagai penyelaras terhadap program penyenggaraan jalan negeri, dengan menjalankan semakan secara berkala terhadap rekod dan data jalan di semua Jabatan/Agensi pelaksana.

3.5.2. Semua Jabatan/Agensi pelaksana hendaklah menyediakan jadual penyenggaraan jalan bagi memastikan setiap jalan dapat disenggarakan mengikut tempoh yang ditetapkan dan secara langsung ia akan dapat meningkatkan usia guna jalan berkenaan.

3.5.3. Pihak JKR hendaklah memastikan setiap perbelanjaan daripada Akaun Amanah adalah dibenarkan seperti mana dinyatakan di dalam Arahan Amanah. Perbelanjaan yang berbentuk rutin seperti elauan pakaian seragam dan kasut, kartrij pencetak dan kertas A4 seharusnya di caj di bawah vot mengurus Jabatan.

3.5.4. Pihak JKR hendaklah memastikan jentera dan kenderaan yang diperoleh daripada peruntukan Akaun Amanah digunakan bagi tujuan berkaitan penyenggaraan jalan.

3.5.5. Majlis Perbandaran Seremban perlu meningkatkan keberkesanan di dalam menyelesaikan setiap aduan pelanggan bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya terjamin.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta penyeliaan yang kurang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agenzi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di aktiviti/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

25 September 2013



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my